

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MUHAMMAD YUNUS BIN ABDUL RASHID  
PELAKON VETERAN 80-AN  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU  
SEBAGAI SEORANG PELAKON**

**OLEH:**

**ALISA QISTINA BINTI ROSSLEE**

**(2920465676)**

**NURUL FARIHAH BINTI ISMAIL**

**(2020899588)**

**NURUL NABILAH NAJWA BINTI ROSNAN**

**(2020825166)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**SEMESTER 05 OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022**

## ISI KANDUNGAN

|                         | <b>ISI KANDUNGAN</b>  | <b>MUKA<br/>SURAT</b>     |
|-------------------------|---|---------------------------|
| <b>Nombor<br/>Roman</b> | Abstrak<br>Penghargaan<br>Senarai Abreviasi<br>Senarai Singkatan<br>Rujukan Kata  | I<br>II<br>III<br>IV<br>V |
| <b>1.0</b>              | <b>Biodata Penemubual</b><br>1.1 Penemubual Pertama<br>1.2 Penemubual Kedua<br>1.3 Penemubual Ketiga                        | 1-3                       |
| <b>2.0</b>              | <b>Biodata Tokoh</b><br>2.1 Biodata Tokoh<br>2.2 Pengenalan Kepada Tokoh  | 4-5                       |
| <b>3.0</b>              | <b>Sejarah Lisan</b><br>3.1 Pengenalan<br>3.2 Objektif Sejarah Lisan<br>3.3 Kepentingan Sejarah Lisan                       | 6-8                       |
| <b>4.0</b>              | <b>Kajian Literatur</b><br>4.1 Topik 1- Kesihatan<br>4.2 Topik 2- Sumbangan<br>4.3 Topik 3- Peminat<br>4.4 Topik 4- Kerjaya | 9-10                      |
| <b>5.0</b>              | <b>Transkrip Temubual Bersama Tokoh</b>   | 11-43                     |
| <b>6.0</b>              | <b>Log Temubual</b>   | 44-52                     |

|             |  |       |
|-------------|--|-------|
| <b>7.0</b>  | <b>Ralat</b>   | 53    |
| <b>8.0</b>  | <b>Glosari</b>   | 54-61 |
| <b>9.0</b>  | <b>Indeks</b>  | 62-63 |
| <b>10.0</b> | <b>Bibliografi</b>   | 64    |
| <b>11.0</b> | <b>Lampiran</b><br>11.1 Surat Perjanjian<br>11.2 Surat Pengesahan<br>11.3 Senarai Soalan<br>11.4 Diari Penyelidikan<br>11.5 Gambar Rajah | 65-85 |

## **ABSTRAK**

*Artikel ini berdasarkan sumber daripada kajian penulis tehadap tokoh sejarah lisan yang dijalankan bersama pelakon dan pelawak veteran yang terkenal di Malaysia pada era 80an iaitu Muhammad Yunus bin Abdul Rashid yang lebih dikenali sebagai Ebby Yus dan sesi temubual ini dilakukan adalah untuk mengetahui beliau dalam industri lakonan di Malaysia. Artikel ini menceritakan tentang pengalaman beliau sebagai pelakon dan pelawak veteran. Selain itu, artikel ini merangkumi kisah latar belakang pendidikan sekolah rendah dan menengah serta peringkat Sijil Vokasional. Artikel ini juga menyampaikan perkembangan beliau di dalam kerjayanya sebagai seorang pelakon dan pelawak di Malaysia. Beliau sangat berpengalaman dalam bidang industri seni ini selama lebih tiga puluh lima tahun. Pengalaman dan sumbangan terhadap kerjaya beliau amatlah berharga dan berharap bagi membangkitkan semangat generasi muda masa kini dalam menceburi minat dalam bidang lakonan dan hiburan di Malaysia.*

**Kata kunci:** Muhammad Yunus, sejarah lisan, pelakon, pelawak veteran, Malaysia

## **ABSTRACT**

*This article is based on a source from the author's study on oral history figures conducted with famous veteran actors and comedians in Malaysia in the 80s, namely Muhammad Yunus bin Abdul Rashid better known as Ebby Yus and this interview session was conducted to get to know him in the acting industry in Malaysia. This article tells about his experience as a veteran actor and comedian. In addition, this article covers the background story of primary and secondary school education as well as Vocational Certificate level. This article also presents his development in his career as an actor and comedian in Malaysia. He is highly experienced in this field of art industry for over thirty-five years. His experience and contribution to his career is invaluable and he hopes to inspire the young generation of today to venture into the field of acting and entertainment in Malaysia.*

**Keyword:** Muhammad Yunus, oral history, veteran actor, comedian, Malaysia

## **PENGHARGAAN**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Assalamualaikum

Alhamdulillah, dalam menyempurnakan tugas ini, kami ingin memberi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang telah membantu kami menyelesaikan kerja khusus ini. Pertama sekali kami ingin mengucapkan syukur kehadrat ilahi kerana telah memberikan kami peluang dan keizinan untuk menyiapkan tugas ini. Seterusnya kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami, NurulAnnisa binti Abdullah kerana telah banyak memberi bimbingan sepanjang kami melakukan tugas ini. Jasa beliau cukup besar sehingga kami dapat menyiapkan tugas ini.

Seterusnya, saya juga tidak akan lupa akan sokongan yang ibu dan bapa kami kerana telah banyak memberikan sokongan dan telah menyumbang dari segi kewangan untuk kami menyiapkan tugas ini. Terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada mereka berdua kerana turut memberi sokongan moral sepanjang tugas ini dijalankan.

Penghargaan juga kami berikan kepada Encik Ebby Yus dan PA Encik Ebby Yus kerana sudi terima sesi temubual yang dijalankan oleh kami untuk mendapatkan maklumat tentang Artis Veteran Tanah Air. Beliau sanggup meluangkan masa untuk ditemu bual dan banyak memberi kerjasama dalam menjawab soalan temu bual kami.

Akhir sekali tidak kami lupakan iaitu kepada rakan sekelas kami yang telah membantu kami dari awal sehingga akhir semester ini. Akhir kata, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua orang yang terlibat secara langsung bagi menyiapkan tugas ini.

Sekian terima kasih.

## **SENARAI ABREVIASI**

| SINGKATAN | MAKSUD                              |
|-----------|-------------------------------------|
| IJN       | Institut Jantung Negara             |
| SOP       | Standard Operating Procedure        |
| PKP       | Perintah Kawalan Pergerakan         |
| J.K.K     | Jenaka Kampung Kalut                |
| PMC       | Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat |
| ANS       | Ahli Setia Negeri Sembilan          |
| RTM       | Radio Televisyen Malaysia           |

## **SENARAI SINGKATAN**

NNN : Nurul Nabilah Najwa

AQ : Alisa Qistina

NF : Nurul Farihah

EY : Ebby Yus

PA : Personal Assistant

## **RUJUKAN KATA**

|          |  |
|----------|--|
| haa      | mengiyakan                             |
| oh       | wah                                    |
| erm      | suara yang dikeluarkan semasa berfikir |
| eh       | ya                                     |
| je       | saja                                   |
| kau      | awak                                   |
| ke       | kah?                                   |
| taknak   | tak mahu                               |
| tu       | itu                                    |
| ni       | ini                                    |
| dj       | penyampai radio                        |
| tv       | televisyen                             |
| make up  | solek                                  |
| kat      | dekat                                  |
| gitu     | begitu                                 |
| harini   | hari ini                               |
| lepastu  | selepas itu                            |
| takde    | tiada                                  |
| ko       | kau                                    |
| nak      | hendak                                 |
| diorang  | mereka                                 |
| kitorang | kami                                   |

## **1.0 Biodata Penemubual**

### **1.1 Penemubual pertama**



---

**Nama:** Alisa Qistina binti Rosslee

**Tarikh Lahir:**

**Tempat Lahir:** Kota Bharu, Kelantan

**Alamat:** Kota Bharu Kelantan

**No. Telefon:**

**Emel:**

**Program:** Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem  
Maklumat (IM245)

---

## **1.2 Penemubual kedua**



---

**Nama:** Nurul Fariyah binti Ismail

**Tarikh Lahir:**

**Tempat Lahir:** Terengganu

**Alamat:** Kuala Terengganu

**No. Telefon:**

**Emel:**

---

**Program:** Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem  
Maklumat (IM245)

### **1.3 Penemubual ketiga**



**Nama:** Nurul Nabilah Najwa binti Rosnan

**Tarikh Lahir:**

**Tempat Lahir:** Kuala Lumpur

**Alamat:** Seri Kembangan, Selangor

**No. Telefon:**

**Emel:**

**Program:** Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem  
Maklumat (IM245)

## **2.0 Biodata Tokoh**

### **2.1 Biodata Tokoh**



**Nama:** Muhammad Yunus bin Abdul Rashid

**Nama Samaran:** Ebby Yus

**Tarikh Lahir:**

**Tempat Lahir:** Negeri Sembilan, Malaysia

**Alamat:** Kampung Baru, Kuala Lumpur

**No. Telefon:**

**Emel:** -

**Profesjon:** Lakonan

**Bidang:** Seni

## **2.2 Pengenalan kepada tokoh**

Eddy Yus atau nama sebenar beliau Muhammad Yunus bin Abdul Rashid, ialah seorang pelakon tanah air yang terkenal. Beliau memulakan karier beliau pada tahun 1983 dan masih aktif sehingga kini. Beliau lahir pada tanggal 16 April 1965 dan seorang anak jati kelahiran orang Negeri Sembilan. Pada masa kini beliau menetap di Kampung Baru, Kuala Lumpur, bersama penolong kanan beliau. Nama kedua ibubapa beliau adalah Allahyarham Abdul Rashid bin Awang dan Allahyarham Kalsom binti Mat Zain. Beliau juga mempunyai dua belas orang adik-beradik dan beliau adalah anak yang ke tujuh.

Tentang karier beliau, beliau amat diingati dengan peranan beliau didalam siflon televisyen Simpang Tiga. Kini, beliau terlibat dalam pelbagai drama, pentas teater, sitcom televisyen, DJ Radio dan juga filem-filem tempatan. Beliau kerap muncul di stesen televisyen TV1 RTM. Selain pekerjaan pelakon, beliau juga turut mengusahakan sebuah perniagaan restoran makan iaitu Adam Lai Restorang Bersama dengan tiga orang rakan kongsi beliau iaitu Muhammad Adam Lai Abdullah, Faizal Abdul Jabar dan Mohd Helmy Harun.

### **3.0 Sejarah Lisan**

#### **3.1 Pengenalan**

Muhammad Yunus atau lebih dikenali sebagai Ebby Yus yang merupakan seorang pelakon dan pelawak veteran yang terkenal pada era 80an sehingga kini. Ebby Yus atau nama sebenarnya Muhammad Yunus bin Abd Rashid terkenal di dalam bidang lakonan dan juga merupakan seorang penghibur di dalam industri seni. Beliau dilahirkan pada 16 April 1965 dan merupakan pelakon dan pelawak Malaysia. Beliau dibesarkan dari keluarga yang besar iaitu mempunyai 10 adik beradik kandung. Beliau merupakan anak yang ke-tujuh daripada 10 beradik itu.

Oleh itu, beliau bersekolah di Sekolah Vokasional Ampangan, Seremban dan setelah beliau menamatkan sekolahnya pada tahun 1983, beliau berpindah ke Kuala Lumpur. Beliau memulakan kerjayanya dalam industri seni adalah pada tahun 1983, setelah beliau Berjaya menyertai satu uji bakat Asas Tarian di Kompleks Budaya Negara. Beliau memulakan lakonan beliau adalah pada tahun 1985 dalam drama yang bertajuk '*Bujang Permai*'. Tambahan pula, beliau pernah menerima penganugerahan Anugerah Pelakon Komedi TV Terbaik – Anugerah ASA pada tahun 2010 dan beliau juga pernah dicalonkan dalam percalonan kategori Artis Komedi Lelaki Popular – ABPBH pada tahun 2013.

### **3.2 Objektif Sejarah Lisan**

Berikut adalah objektif sejarah lisan pengkaji dalam mengenalpasti ketokohan Muhammad Yunus Abd Rashid dengan lebih mendalam serta sumbangan beliau dalam dunia seni dan hiburan tanah air.

- i) Mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang beliau terlibat dalam dunia industri seni tanah air.
- ii) Mengkaji sejarah perkembangan Industri Seni dari tahun 1980 an hingga tahun 2021. Sejarah perkembangan yang berkaitan dengan pelawak dan sebagai pelakon filem.

### **3.3 Kepentingan Sejarah Lisan**

Faedah ataupun impak daripada sejarah lisan yang dijalankan bersama pelakon dan pelawak Ebby Yus adalah dapat membantu memberikan gambaran yang lebih lengkap dan jelas mengenainya kepada masyarakat. Dalam konteks ini, sejarah lisan berdasarkan kepada pengalaman Ebby Yus ataupun kenangan tertentu Beliau, amat penting dalam mengembalikan gambaran detik sejarah tersebut dengan lebih jelas dan teliti. Sejarah lisan adalah cukup istimewa kerana ia dapat menghubungkaitkan peristiwa lepas dengan masa kini melalui rakaman detik – detik bersejarah tersebut. Contohnya detik perjalanan Ebby Yus dari menjual petai hingga menjadi seorang yang berjaya dan terkenal. Hal ini dapat mewujudkan cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif kepada masyarakat sekarang.

Seterusnya, pita rakaman dan transkrip sejarah lisan boleh menghidupkan cara mengajar di sekolah dan juga institusi. Cara ini tidak dinafikan sebagai satu cara pengajaran yang berguna di dalam kelas kerana di sebaliknya pita rakaman wawancara bersama tokoh Ebby Yus yang pernah memainkan peranan penting dalam masyarakat, ia juga boleh memberikan suatu gambaran yang berkesan untuk memahami masa yang lalu. Rakaman - rakaman tersebut boleh menggambarkan perkara bersejarah yang telah berlaku kepada pelawak dan pelakon Ebby Yus tersebut.

Selain itu, kegiatan persatuan sejarah negeri di Malaysia akan dapat diperkembangkan lagi sekiranya persatuan tersebut menjalankan projek sejarah lisan. Persatuan Sejarah yang ditubuhkan bukan sahaja dapat menggalakkan pengajian dan menambahkan minat orang ramai terhadap tempatan, tetapi juga mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memelihara kesan sejarah di negeri masing - masing. Dalam hal ini, mereka terlibat dalam pengumpulan, pemeliharaan dan penyediaan bahan - bahan tersebut untuk penyelidik. Persatuan sejarah perlu memelihara alat - alat dan gambar mengenai kehidupan masyarakat di masa yang kini, lantas mereka boleh mempamerkan bahan - bahan tersebut kepada orang ramai pada masa akan datang.

## **4.0 Kajian Literatur**

### **4.1 Topik 1- Kesihatan**

Terdapat beberapa sumber penulisan berbentuk artikel yang menyiaran isu ataupun cabaran yang terpaksa dilalui oleh pelawak dan pelakon terkenal, Ebby Yus sepanjang keterlibatan beliau dalam industri seni ini. Antaranya ialah daripada sumber yang dipercayai oleh seluruh masyarakat Malaysia, Astro Awani pada tahun 2019 yang bertajuk *Duka di Hati Ebby Yus Siapa Tahu* telah Berjaya mengupas ujian yang perlu dihadapi oleh Ebby Yus iaitu menderita penyakit buah pinggang bocor dan juga lemah jantung. Ini dikatakan ujian yang hebat untuk Ebby Yus dek kerana ujian kesakitan yang dihadapinya ini, Beliau tidak mampu untuk bekerja dan pendapatan Beliau juga terjejas. Sumber daripada Sinar Harian yang bertajuk *Buah pinggang Ebby Yus bocor, Lemah Jantung* turut menyentuh penderitaan yang perlu dihadapi oleh Ebby Yus sebagai seorang pelakon dan pelawak dari Negeri Sembilan ini.

### **4.2 Topik 2- Sumbangan**

Sumber daripada PenMerahPress.com yang ditulis oleh Yuya bertajuk *Ajak Shiro sumbang wang kemenangan MLM2018 kepada Ebby Yus. Mulianya hati Ajak ni* memperlihatkan bagaimana pelakon ataupun kenalan Ebby Yus yang berusaha untuk membantu ataupun meringgankan beban Ebby Yus yang menderita penyakit buah pinggang dan jantung. Sumber ini adalah menjadi bukti kapada apa yang diperkatakan oleh Ebby Yus melalui temubual yang telah dijalankan bersamanya. Ditambah lagi dengan sumber daripada Bulletin Media yang bertajuk *Ebby Yus Sendiri Tak Sangka Dengan Apa Ajak Shiro Buat.* turut membuktikan bahawa Ebby Yus tidak bersendirian dalam menghadapi ujiannya kerana ramai lagi yang setia bersamanya dan ingin membantunya.

#### **4.3 Topik 3- Peminat**

Seterusnya, melalui sumber Sinar Harian yang bertajuk *Saya tak sampai hati, kata Ebby Yus* pula menjelaskan Ebby Yus yang didatangi seorang wanita yang juga salah seorang peminatnya dari Port Dickson yang ingin mendermakan buah pinggangnya kepada Ebby Yus setelah mengetahui keadaan penyakit Beliau itu. Melalui temubual yang dijalankan Bersama Ebby Yus, Beliau telah menjelaskan bahawa Beliau tidak menerima buah pinggang penderma tersebut. Sumber lain yang dapat menyokong sumber tersebut adalah daripada Berita Mediacorp yang bertajuk *Apabila peminat wanita dari S'pura derma S\$10,000 kepada pelakon, pelawak Ebby Yus.*

#### **4.4 Topik 4- Kerjaya**

Berkenaan dengan perkembangan semasa Ebby Yus daripada sumber Berita Harian Online, menurut Hanisah Selamat (Januari 2, 2020), Ebby Yus sentiasa memastikan pengisian jenaka yang dipersembahkan sejajar perkembangan semasa bagi membolehkan dirinya terus relevan dalam industri hiburan. Katanya, penggiat seni tidak boleh malas menguasai perkara baharu, terutama mengkaji isu yang sedang tular sebagai kandungan ketika beraksi di pentas supaya bertepatan kehendak semasa.

## **5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh**

### **PENGENALAN**

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan dan komedi. Bersama-sama kami ialah Encik Muhammad Yunus Bin Abdul Rashid yang merupakan pelakon dan pelawak seni tanah air dari tahun 1983 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 5 December 2021 bersamaan dengan hari Ahad pada jam 9.00 malam. Sesi temubual ini dijalankan dengan menggunakan platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Alisa Qistina Binti Rosslee, Nurul Fariyah Binti Ismail dan Nurul Nabilah Najwa Binti Rosnan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan:

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**AQ :** *Okay [baiklah] boleh kita start [mula] ye Encik?*

EY : Boleh boleh.

**AQ :** *Okay [baiklah], boleh saya tahu nama sebenar Encik?*

EY : Nama sebenar saya Muhammad Yunus Bin Abd Rashid. Nama ... tu nama Ebby Yus lah.

**AQ :** **Boleh saya tahu tak macam mana encik dikenali sebagai Ebby Yus?**

EY : *Okay [baiklah]... Sebenarnya, nama Ebby Yus tu nama yang bukan kehendak saya. Nama ni, kalau dulu-dulu seniman-seniman dulu sebab saya pun berkecimpung hujung tahun lapan puluh tiga [1983]. Jadi maknanya ketika itu banyak seniman-*

seniman lama seangkatan dengan P. Ramlee dulu masih ada lagi. Ramai kan? Jadi, diorang ni suka tukar nama, orang tu ke satu nama yang kononnya nama tu boleh bawak naik. Kononnya la. Jadi, waktu tu pun saya pun orang baru bila kita orang baru kita tak boleh nak bangkang apa-apa la, kita *yes [ya]* kan saja la ikut je la sama ada kita suka ke tak suka ke dengan nama tu cuma Ebby tu tidak ada kena mengena langsung dengan nama saya la cuma Yus tu saja lah sebab nama saya Muhammad Yunus, Yunus itu lah Yus.

**NNN** : **Lepas tu macam boleh dapat Ebby tu?**

**EY** : Dia yang bagi. bermula dia bagi seniman Ali Fiji dulu meninggal dah arwah pun. Dia seangkatan dengan Tan Sri P. Ramlee lah. *so [jadi]* dia bagi nama saya sebenarnya “Epiekt”, E-P-I-E-K-T Yus. Tapi ditukar oleh ada seorang pelakon lama dulu nama Taruddin, hero lama dulu sebab dia kata bunyi “Epiekt” tu macam bunyi bukan orang Melayu dia kata, tu dia tukar “Ebby”, E-B-B-Y. sebab waktu tu saya macam Mat Salleh sikit itu yang dia letak Ebby tu (ketawa)

**NNN** : **(ketawa) okay [baiklah]**

**AQ** : **Encik umur berapa sekarang?**

**EY** : Lima puluh tujuh [57] nak masuk lima puluh tujuh [57] lah bulan empat [4] tahun depan (tahun 2022), tolong ingat tarikh tu nanti hantar apa-apa yang patut.

**AQ** : InsyaAllah (AQ, NF & NN ketawa)

**& NF**

**EY** : (ketawa)

**AQ** : **Boleh tak kami tahu Encik dilahirkan di mana?**

EY : Okay [baiklah], saya dilahirkan di Kuala Pilah Negeri Sembilan lah. Kampung saya sebenarnya nama dia Kampung Jerjak Padang Lebar Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kuala Pilah tu daerah lah di Hospital Kuala Pilah lah macam tu. Negeri Sembilan lah. Saya memang anak jati Negeri Sembilan dan saya dibesarkan pun Sekolah Rendah, Sekolah Menengah sampai tingkatan tiga [3], saya di Sekolah Menengah Batu Kikir, empat [4] dan lima [5] saya di Sekolah Vokasional Seremban. Ketika itu “Vokasional”, sekarang dah tukar ke “Teknik” kan Vokasional kan waktu tu Vokasional lagi. Ketika tu Vokasional ni sekolah budak-budak teknik kata diorang punya sekolah tadika

AQ : **Encik asal daripada Kuala Pilah, Encik dibesarkan pun disitu. Sekarang ni Encik menetap di mana?**

EY : Saya menetap di Kuala Lumpur lah di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Tapi di kampung tu masih ada kakak saya lah, saya selalu balik jugak lah. Kebetulan pulak sekarang ni saya memang jadi *DJ* [penyampai radio] di Negeri FM kan. Saya selalu berulang lah dari Kuala Lumpur ke Seremban setiap hari Khamis, Jumaat, Sabtu.

AQ : **Sekarang ni Encik menetap dengan siapa di Kampung Baru?**

EY : Saya duduk dengan *PA* [penasihat peribadi] saya, *bachelor* lah *bachelor* kan saya masih belum cukup umur tak kahwin lagi.

(ketawa)

NF : **Seterusnya, kami ingin tahu serba sedikit tentang latar belakang keluar Encik. Apakah nama ibu dan bapa Encik?**

EY : Okay [baiklah], ayah saya nama dia Abdul Rashid, ibu saya nama... dua-dua dah arwah lah, nama dia Kalsom Binti Mat Zin ayah saya Abdul Rashid Bin Awang.

*Okay [baiklah], ayah saya selain daripada meniaga kedai makan dulu dia adalah seorang tukang rumah ibu saya dia dulu dia buat kerja-kerja kampung lah, menoreh dia ke sawah jadi ada la sikit pengalaman saya menoreh dan kerja sawah.*

**NF : Encik mempunyai berapa orang adik beradik?**

EY : *Okay [baik], saya sebenarnya ada -- dua belas [12] dua belas [12] orang adik beradik. Kira sepuluh [10] lah sebab dua [2] tu ada mak lain ada ayah lain. Yang adik beradik satu mak satu ayah sepuluh [10] lah*

**NF : Encik anak yang ke berapa dalam keluarga?**

EY : *Daripada sepuluh [10] saya anak ketujuh [7] dan bawah saya ada tiga lagi dua [2] orang perempuan dan yang kecik sekali laki-laki. kecik-kecik pun dah empat puluh an [40an] dah umur dia.*

**NF : Dalam adik beradik Encik ada jugak yang terlibat dalam bidang yang sama seperti Encik?**

EY : *Dia -- okay [baiklah] nak cakap macam mana ye (pandang ke tepi sambil berfikir) sebenarnya yang mula-mula terlibat dalam industri ni, abang saya. Tapi saya nak cakap pun malu kat awak sebabnya orang (tertawa) mungkin orang tak percaya kalau orang tak tengok. Okay [baiklah] saya sepuluh [10] orang adik beradik tu saya saja yang kulit macam ni. Yang lain sume putih-putih so [jadi] abang saya dahului saya dia adalah salah seorang model dulu at One Studio Model dan dia banyak main iklan TV [televisyen] dulu. Zaman dia lah dia seangkatan waktu tu dengan ... Sifu, Ridhuan Hashim, dia selalu buat “catwalk model” dulu lah abang saya. Diorang semua banyaknya macam Mat Salleh lah sebab tu saya kata orang ingat saya Mat Salleh (tertawa)*

**AQ,**           **(ketawa)**

**NF &**

**NNN**

**EY** : Yang terlibat secara langsung adalah saya je. Abang saya waktu tu dia kerja bank jadi *part time* [separuh masa] dia lah buat iklan apa semua kan “*model catwalk*” tapi lepas tu dia kahwin dia dah tak terlibat lagi lah. *So* [jadi] saya sorang je lah yang terlibat terus.

### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**NN** : *So* [jadi], seterusnya berkaitan dengan latar belakang pendidikan Encik.

**EY** : Pendidikan memang hancur pendidikan (tertawa)

**AQ, NF** : **(ketawa)**  
**& NNN**

**EY** : Saya sekolah rendah, sekolah di Padang Lebar tu kemudian sekolah menengah sampai Tingkatan 3 di Batu Kikir selepas tu saya ambik Vokasional lah Sijil Pelajaran Vokasional di Seremban tetapi malangnya ketiga-tiga sijil tu tak boleh digunakan dalam pekerjaan saya. Macam tu lah.

**NNN** : Lepas tu masa Encik sekolah dulu, apa cita-cita Encik dulu?

**EY** : Saya orang yang takde cita-cita sebenarnya (tersenyum) saya ni orang yang adalah budak yang nakal lepas tu malas nak pergi sekolah, malas nak belajar. Jadi cita-cita tu takde, apa yang saya buat tu untuk memenuhi tuntutan kehidupan, tuntutan mak ayah orang mesti sekolah *so* [jadi] saya pergi sekolah. Saya macam tu, orang

*okay* [baiklah] naik sekolah menengah, naik. Saya jenis kalau naik pun naik lah tak naik pun takpe lah jenis macam tu. Takde cita-cita tu. Cuma saya hanya ada minat. Minat saya berlakon lah tetapi minat itu sebenarnya tidak lah kuat sebabnya ketika itu saya berfikir “takkan kot aku dapat jadi pelakon”, “takkan kot aku boleh berlakon”. Tapi minat tu ada. Saya dah pernah buat persembahan pentas waktu di kampung kan dengan anak sedara saya. Jadi itu nampaklah, ada lah minat apa bakat tu ada lah tapi saya tidak pernah pun bercita-cita untuk menjadi seorang pelakon pun. Saya pun tak tau cuma apabila saya habis sekolah tahun lapan puluh tiga [1983] hujung saya datang ke Kuala Lumpur saya bekerja di kilang bakar bata dekat jalan Sentul tu lepas tu gaji sari sepuluh [10] ringgit [angkat tangan menunjukkan isyarat] ambik gaji petang habis besok ambik pulak habis macam tu lah . Lepas tu saya dapat kerja restoran di Bukit Bintang, sewaktu saya di Bukit Bintang bekerja di restoran tu banyak artis yang datang, datang makan. Ada *make up* [solek] artis, artis kan jadi saya selalu tengok lah tengok di situ baru datang timbul “eh boleh kot”. Jadi saya pun cuba-cuba lah pergi tanya dekat satu *make up* [solek] artis tu nama dia Is. Saya tanya macam mana nak jadi pelakon? Dia tengok kita pun (ambil buat muka untuk menggambarkan situasi) macam tu kan (ketawa) tapi saya cuba jugak lah saya pergi uji bakat. Pergi ujibakat waktu tu nak buat kalau tak silap saya sebelum tu saya dah terlibat dengan pentas dengan Bangsawan. Awak tahu Bangsawan?

NNN : Bangsawan... orang kaya-kaya?

EY : Bukan, Teater Bangsawan. Cuba nanti awak *Google* tengok Teater Bangsawan tu apa. Teater Bangsawan, dia persembahan pentas ni dia teater tapi berbentuk teater penuh maknanya dia ada penyanyi apa semua lah dalam tu. *So* [jadi] saya terlibat dengan itu dulu. Lepas tu, waktu yang sama saya ada pergi ambik asas tarian di Kompleks Budaya Negara. Ketika itu, sekarang ni yang jadi Aswara tu. Tapak Aswara tu adalah tapak KBN dulu Kompleks Budaya Negara. Di situ lah banyak artis-artis yang meletop letop sebelum era ini berasal daripada situ. Orang lama-lama contohnya Zulkifli Zain, Eman Manan, Yusuf Wahab, semua yang nama besar-besar banyaknya berasal daripada Kompleks Budaya Negara. Di situ tempat

contohnya tempat berlatih teater, tarian, so [jadi] saya ada ambik asas tarian dekat situ. Jadi sewaktu ambik asas tarian tu, berkenalan lah dengan kawan-kawan Bangsawan ni, saya pun masuk Bangsawan sehingga ada sesetengah filem diorang nak buat uji bakat untuk cerita “Riwayat Hidup P. Ramlee”. Jadi kawan saya ajak saya pergi uji bakat, saya pergi. Saya pergi dan tak lulus maknanya tak handsome [kacak] jadi tak lulus lah. - - mungkin sebab watak, saja la gurau tu. Takde watak agaknya. Tetapi ketika tu, Ali Fiji ni orang lama ni orang seangkatan dengan P. Ramlee ni, Ali Fiji ni sape tau kalau awak tengok cerita yang dia buta yang cucuk kan. Filem P. Ramlee yang ‘Ibu Mertuaku’ yang cucuk garpu tu. Kalau awak tengok ada orang main – tu itu laa Ali Fiji. Dia banyak berlakon extra-extra [tambahan] pada zaman P. Ramlee. Dia ada bukak satu Akademi Seni Lakon di Jalan Ipoh, jadi dia tengok saya dekat situ dia nampak saya dia nampak bakat saya. So [jadi] dia ajak saya. Dia ajak saya dia kata “datang lah ke dia punya akademi belajar berlakon”, dia kata “awak ada bakat cuma di sini mungkin karakter takde untuk awak”, saya kata “kena bayar ke”, dia kata “ada yuran lah”. Tapi ketika itu saya takde kerja saya dah berhenti kerja di Bukit Bintang tu sebab nak jadi pelakon kononnya. Jadi saya takde duit nak bayar. Saya kata dengan dia “saya tak mampu nak bayar” saya pun waktu tu tumpang kakak saya di Segambut. Lepas tu dia kata “apa kebolehan yang awak ada?” saya kata “saya di kampung dulu saya pernah bersilat, belajar bersilat”, “okay [baiklah] takpe awak datang sana. Hujung minggu bila budak-budak datang belajar lakonan awak ajar silat. Jadi awak tak perlu bayar yuran. Awak boleh je belajar berlakon ikut-ikut berlakon ni” dia kata. Tu lah mulanya, tapi saya takde rumah. Saya kata “saya tumpang rumah kakak saya jauh saya nak datang bertambah semua”. Dia kata “takpe tidur kat pejabat, pagi-pagi kerja awak tolong vakum pejabat”. Jadi itulah permulaan saya tidur atas kertas surat khabar, lama jugak saya di – apa tu duit takde. Waktu tu amat susah saya amat *struggle* [berjuang] untuk sebenarnya mak saya pun dah menangis suruh balik apa semua. Tapi saya nak teruskan jugak. Saya dulu ada empat [4] ke lima [5] orang yang lain tu semua berpatah balik tapi saya teruskan sehingga kepada hari ini. Saya pernah pergi *shooting* [pergambaran] berjalan kaki jalan kaki pergi *shooting* [pergambaran]. Jalan kaki daripada *shooting* [pergambaran] tu saya tak

tahu lah awak tahu ke tidak Stadium Negara dulu sekarang ni dipanggil Finas di Petaling Jaya tu. Jadi saya berjalan kaki daripada Sentul ke Petaling Jaya. Awak tahu Sentul? Petaling Jaya awak tahu? Jauh kan? Saya jalan kaki daripada Sentul pergi *shooting* [pergambaran] sampai ke Petaling Jaya tu di Filem Negara tu. Awal-awal pagi dah keluar jalan kaki perlahan-perlahan sampai ke Stadium Negara tu. Waktu itu bayaran *extra* [tambahan] hanya empat puluh [40] ringgit kalau tak silap. Jadi itulah mulanya saya dalam industri ni. Saya memang ketika itu susahlah memang susah sangat untuk kita nak letak nak cari tempat sebabnya dulu tak macam sekarang ni. Sekarang ni ada rupa ada apa boleh je jadi pelakon. Dulu tak, dulu kena uji bakat kalau nak bidang tombak pun nak jadi *extra* [tambahan] pun kena uji bakat dulu. Memang susah, jadi lepas tu pulak *station* [stesen] tak banyak. Swasta masuk tahun lapan puluh lima [1985] jadi sebelum itu hanya kita harapkan Filem Negara tu kerajaan punya. Kalau drama kita harapkan di RTM [Radio Televesyen Malaysia] sahaja ada *channel* [saluran]. Lain takde TV3, "Astro" semua takde ketika itu. Jadi dengan adanya artis-artis yang dah sedia ada yang ramai macam mana kitorang yang baru ni nak jolokkan diri kita? Memang susah. Wartawan ketika itu tak bantu pun lagi dia tengok macam saya ni lagi dia tak peduli. Betul, ikhlas cakap. Wartawan buat tak tau je gitu. Memang tak macam artis sekarang, yang belum terkenal dah dikenalkan berbeza dengan kami dulu. Tetapi memang masa itu naik betul-betul disebabkan bakat bukannya sebab kata orang wartawan ke apa tidak, oleh bakat. Bila dah nampak tu barulah wartawan jumpa kita. Jangan haraplah wartawan nak dekat dengan kita.

NNN : Tu lah susah dulu kan?

EY : Aah susah dulu lah. Tapi kita kena sabar lah banyak sabar lah kan kita tahu bahawa dunia industri tu adalah satu industri yang besar sebenarnya sebab kita nak meletakkan diri kita dimata orang ramai. Susah kan? Ketika itu kalau nak letakkan diri dimata orang ramai ni orang politik je lah.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA**

NNN : Apa yang membuatkan encik terdetik hati hendak menceburi bidang seni ini.

EY : Sebenarnya disebabkan saya akademi *fail* [gagal] akademik saya teruk, saya tiada akademik untuk bekerja. Kalau saya bekerja pun mungkin kerja-kerja kasar yang tidak memerlukan sijillah yang dia boleh contohnya macam saya cakap tadi bakar bata, kerja restoran, pelayan restoran, itu sahaja lah. Cuma bila kita sedar kita ada minat sedikit, bakat sedikit, mungkin bakat boleh bawa kita apa. Jadi maknanya permulaan kerana terpaksa sebab tidak ada pilihan yang lebih baik lagi untuk saya selain daripada itu saya macam-macam kerja buat saya jual kasut saya ikut orang pergi pasar malam bermiaga petai. Walaupun saya dah berlakon pun sikit-sikit saya masih lagi di pasar malam tolong orang jual petai, jual sayur macam-macam saya buat. Kita pada saya hidup ini perlu jalani cara kita punya *mold* [acuan] macam tulah kan dan kemudian tu Allah la yang akan kata orang mengizinkannya. Orang kata izinkan ke tidak izinkan ke itu semua atas kejayaan. So [jadi] harini maknanya Allah mengizinkan apa yang saya buat tu. Rezeki saya dekat situlah.

NNN : Jadi ada tak orang yang berikan inspirasi dekat encik masa sebelum ceburi bidang seni ini?

EY : Okay [baiklah] keluarga saya dia menyuruh pun tidak dan membangkang pun tidak, cuma ada di peringkat awal sedikit arwah mak saya sebab dia, dia kesian tengok saya tiada duit duduk di Kuala Lumpur nak makan apa semua, tumpang sana tumpang sini tu dia ada cakap kata orang Negeri Sembilan kan “ko balik la duduk kat kampung ni pucuk-pucuk ubi pun kau boleh makan” tetapi kekuatan saya, saya dah melangkah, *time* [masa] ni lah degil macam tu kita dah melangkah macam mana pun walaupun orang cakap “eh kau tak layak” ke apa ke saya cuba layakkan diri saya. Sebenarnya saya adalah orang yang paling pemalu dulu dan juga terlalu rendah hati rendah diri, saya nak dekat dengan orang yang ada nama tu saya takut, saya daripada jauh perhati

macam itulah. Tapi keyakinan diri itu datang apabila saya jumpa kawan-kawangan, kawan-kawan bagi semangat tetapi keluarga saya tidak membangkang dan tidak menyuruh juga sehingga apabila saya dah dikenal dan ditempat dan itu sekarang ini, adik beradik saya, mak ayah dah tiadakan, *so [jadi]* adik-adik abang-abang saya adik-adik saya semua diorang memang bagi sokongan penuh semuanya lah kat saya sebab dia tahu yang apa yang saya ceburkan hari ini boleh kata orang membantu kehidupan saya dan saya memang tiada kerja lain pun dekat empat puluh [40] tahun, saya lapan puluh tiga [1983] sekarang ini 2021 sudah dekat empat puluh [40] tahun ke belum tu, saya tak pernah bekerja, itu pun saya bekerja dalam industri *DJ* ni tu pun *contract* [kontrak] lah.

NNN : ***So [jadi] keluarga encik tidak membangkanglah encik menceburi bidang ini.***

EY : Dia tak bangkang cuma datuk saya dulu arwah ini nampak macam tak suka la. Tetapi dia pun tiada cakap kau janganlah, tiada. Tapi bila dia tengok, itu kata pakcik saya lah, bila dia tengok saya ada dekat tv dia menangis, Haji Ruhid nama dia, arwah pun meninggal *time* [masa] umur dia seratus [100] tahun. Dia tengok saya dia menangis, dia tengok saya dekat tv pon dia menangis. Kita tahu bahwa mungkin ada benda yang dia tidak suka.

AQ : **Encik mula berlakon tu pada umur berapa?**

EY : Habis sekolah. Habis sekolah tu tahun lapan puluh dua [1982] saya habis sekolah, lapan puluh tiga [1983]. Maknanya kalau habis sekolah habis berapa (AQ, NN, NF: 17, 18 menjawab soalan) maknanya sembilan belas [19] la.

AQ : **Dulu encik pernah menyertai ujibakat asas tarian di Kompleks Budaya Negara itukan dan telah berjaya menarik perhatian juri.**

EY : Bukan-bukan. Ujibakat itu adalah ujibakat pelakon filem *Riwayat Hidup P. Ramlee*. Yang menari itu, saya amik asas tarian di Kompleks Budaya Negara, itu bukan uji

bakat. Yang ujibakat tu yang untuk filem *Riwayat Hidup P. Ramlee* itu. Okay [baiklah] dapat?

**AQ : Boleh saya tahu filem atau rancangan pertama televisyen encik?**

**EY :** Okay [baiklah] saya lupa la dah tapi saya dulu main bangsawan tv dulu tapi sebelum bangsawan tv dulu saya perlakon-perlakon tambah je lah, *extra* [tambah] dipanggil itu memang banyaklah ketika itu tetapi drama pertama yang saya dapat watak maknanya *lead* [utama] *leading* [utama] watak utama tajuk dia *Bujang Permai*. Dulu sebelum saya komedi, mungkin awak tak tahu kot saya main cerita-cerita banyak jadi jahat cerita-cerita jahat, cerita cerita *fighting* [berlawan] saya baru je komedi dalam lebih kurang lima belas [15] tahun dua puluh [20] tahun je. Awak pernah tengok tak cerita-cerita (NN: saya pernah tengok *I know what you did last raya*) itu masih komedi lagi sikitlah tapi cuba awak nanti awak *Google* tengok *Keris Hitam Bersepuh Emas* itu semua saya main cerita-cerita pendekar itu. Banyak terlalu banyak cerita dulu lepas itu baru saya komedi. Saya pun tak tahu macam mana boleh jadi komedi. Itulah drama pertama saya yang saya pegang watak tajuk dia *Bujang Permai* saya tak tahu ada ke tidak dalam ni - - *Bujang Permai* itu yang diarahkan oleh *M. Osman*. Kenal tak *M. Osman* – tau tak (NF: kenal-kenal) ayah *Aziz Osman*. Itulah drama pertama saya yang saya pegang watak utama, watak *hero* [wira] itupun sebab *hero* [wira] cerita itu, dia nak kena kulit gelap sebab dia kena sumpah dengan burung gagak (semua gelak) ni betul ni, awak jangan gelak.

**NF : Ya Encik, saya percaya.**

&

**NNN**

**NF :** Pada awalnya encik menceburi bidang lakonan, dan pada tahun 2009 encik menceburi bidang komedi dan melakukan sitkom dalam rancangan *Senario*. Bagaimana encik mendapat keyakinan hendak menceburi diri dari bidang lakonan ke bidang komedi?

EY : Mana Nurul tahu yang saya 2009 mula komedi? (NF dan NN serentak menjawab soalan) *Senario* la 2009 kan. Bukan 2009 sebenarnya, saya awal lagi darpada tu, mungkin 2000 – tahun 2000 saya dah *start* [mula] dah. Lepas sembilan puluh [90] lebih - - tahun 2000 saya dah *start* [mula] dah berkomedi - - okay [baiklah] kalau awak ingat cerita ni apa cerita *Gado Gado*, awak tak ingat, awak *Google Gado Gado* tu itulah drama - - sorry-sorry [maaf-maaf] drama komedi pertama saya ialah *Alamak Kawinkan Aku*, dia drama komedi yang diarahkan oleh *Aziz M. Osman* anak kepada *M. Osman*. *Alamak Kawinkan Aku* nama dia, waktu tu saya dah banyak main cerita-cerita jahat la apa semua tu kemudian *Aziz* tu kata, kita panggil dia *Along*, dia kata, “Bang, eh By dia kata, ni aku nak bagi kau satu watak ni watak komedi. Eh long aku mana reti berlawak-lawak ni. Kau ikut je cakap aku” (perbualan antara EY dan *Aziz M. Osman*) itulah mulanya satu drama - - habis tu saya senyap – komedi sebab saya rasa tak boleh sampai la ke *Gado Gado*, *Gado Gado* tu dia sketsa-sketsa. *Okay* [baiklah] habis je *Gado Gado* apa semua tu, itulah *Senario* panggil saya, tak silap saya 2009 kot – hah yelah 2009 kot. 2008 gitu la dan Alhamdulillah kali pertama saya dalam *Senario* tu terus saya dapat kata orang terima saya berkomeditah, lepas tu terus la orang dah tak panggil saya dah cerita drama-drama serius ni, panggil komedi je, hah gitu la sampai la ke harini.

NF : **Maknanya encik dikenali ramai selepas melakukan banyak lakonan dalam komedi la.**

EY : Dulu orang kenal, tapi orang kenal dengan benci, sebelum tu orang kenal tapi orang tak minat, orang benci tapi orang kenal. (NF bertanya sebab) sebab saya main cerita jahat saya jadi jahat, *character-character* [watak-watak] jahat. (AQ dan NF serentak memberi respon). Saya pernah *shooting* [pengambaran] dekat rumah orang di Perak, anak dia taknak bersalam dengan saya datang rumah, dia benci sangat pernah jadi macam tu. Lepastu bila saya main komedi barulah orang ni dengan saya kan.

NF : Encik kata anak yang dekat Perak tu benci encik, jadi bagaimana encik mengatasinya.

EY : Okay [baiklah] kita mula-mula sampai *shooting* [pengambaran] kat rumah tu, kita duduk rumah tu sebenarnya. Dulu kalau kita pergi *shooting outstation* [pengambaran luar] ni hotel dalam kampung apa semua ni dalam-dalam kampung ni mana nak cari dia bukan macam sekarang, *homestay* [rumah tumpangan] pun takde dulu, kalau ada pun *chalet* [rumah tumpangan] tapi bukannya banyak, takde. So [jadi] kita sewa rumah orang untuk tidur. Mana rumah orang yang takde *baby* [bayi] kan yang dia duduk dengan anak dia ke ataupun dia tiga [3] orang ada anak dia, jadi rumah pakcik ni dia ada anak lelaki sorang. Jadi bila sampai *team* [pasukan] diorang naik rumah salam-salam, saya pun ikut la salam-salam pakcik tu, pastu salam dengan anak lelaki dia, anak lelaki dia buat tak tahu. Saya pun pelik la, saya kata, “eh kenapa dia ni”. Diam je la, dia dia. Esok habis *shooting* [pengambaran], dia tak bercakap dengan saya pun, dia bercakap dengan orang lain je, dia takde la datang dekat saya tanya ke - - dengan artis lain dengan *Raisudin* apa semua dia pergi la berbual apa semuakan. Saya pun hmm takpelah, saya anggap – tak kisah lah, kita pun duduk rumah dia kan, takde apa-apa la Cuma saya tegur juga la. Pagi kadang dia tengok saya minum sorang, dia tak pegin meja minum tu, hah centu la. Memang dia benci sangat kot. Lepastu, dah dua [2] tiga [3] hari saya duduk rumah tu, satu [1] petang tu saya balik daripada *shooting* [pengambaran] luar daripada rumah tu daripada kampung tu, bila saya balik, saya lepas mandi apa semua lepas maghrib saya nak makan, dia datang kat saya dia duduk. Dia kata, “Bang saya minta maaf banyak-banyak”, dia kata, “Saya memang mula saya datang itu hari memang saya menyampah betul saya benci betul dekat abang, tapi bila abang dah duduk sini dua [2] tiga [3] hari rupanya abang ni tak macam saya sangka, tu dalam tv [televisyen], “memang la” (sambil ketawa) dia minta maaf centu la.

NNN : So [jadi] setelah encik mula dikenali ramai dalam bidang komedi ini, encik telah menyertai sebuah rancangan televisyen berjudul J.K.K, dalam rancangan tersebut selama tujuh [7] musim jadi boleh encik cerita bagaimana (EY

**mencelah berkata berapa musim semua korang tahu kan) encik boleh membawa watak encik dengan baik, bagaimana encik menghayati watak itu.**

EY : Dia punya penerbit eh *sorry* [maaf] penerbit nama dia *Erin*, dia perempuan, *In House* TV3 (rancangan televisyen). So [jadi] sebelum saya dah banyak dah main dengan TV3 ni drama, komedi, sebagainya kan, kemudiannya tu dia kan, dia ada bagitau saya lebih kurang dalam dua [2] bulan ke sebulan tu *Erin* ni dah bagitau saya, “Bang ada satu [1] *character* [watak] saya nak letak abang, sitkom tajuk dia J.K.K, pastu saya letak abang ada satu [1] watak dia nak bagitau abang” dia tak bagitau watak apa, “tapi saya tengah *fight* [lawan] dengan *station* [stesen]” nak letak saya tu. Dia sebenarnya bukan senang nak letak tu, dia nak persetujuan *station* [stesen], kalau *station* [stesen] setuju baru boleh. Jadi dia dah letak nama saya mungkin dia dah letak nama orang lain tapi dia tak bagitau lah untuk watak tu so [jadi] dia *fight* [lawan] kan. Dia kata, dia bagi alasanlah kenapa dia nak saya apa semua, pastu lepas dah habis tu dia bagitau saya, dia kata, “*okay* [baiklah] bang *station* [stesen] terima abang pegang watak ketua kampung dalam J.K.K tu”. *Okay* [baiklah] *character* [watak] ketua kampung tu macam mana, dia bagitau la gini-gini, so [jadi] saya untuk pengetahuan anda semua, saya bukan *comedian* [pelawak], saya adalah pelakon yang membawakan watak komedi. Jadi apa yang dibagikan watak kepada saya, saya mesti hayati, kalau selepas ini orang bagi saya watak jahat balik, InshaAllah saya boleh lakukan nya balik, sebab saya pelakon, saya bukan comedian [pelawak]. Sebabnya kalau adik-adik semua jumpa saya diluar semua terperanjat, *culture shock* [kejutan budaya] punyalah sebab saya tak berlawak, awak akan tengok saya serius. Banyak dah orang jumpa saya dia kata – dia tengok saya dia pelik,” oh macam ni eh”. Kalau diluar, kehidupan saya lain, awak akan tengok saya bukan kelakar, saya tak kelakar pun, saya pelakon yang membawakan watak lawak, tapi bila awak bagi saya watak komedi, saya kan buatnya dengan baiklah sebab saya seorang pelakon. Itu semua adalah lakonan, yang awak tengok itu semua adalah lakonan bukannya realiti saya. Tapi bukanlah maknanya saya tak bergurau diluar, bergurau cuma saya akan berlawak dan bergurau dengan orang yang saya kenal, dah biasa kenal. Saya jarang sangat la kalau nak berlawak-lawak diluar sana tapi kalau dalam macam ni saya *okay* [baik] saje. Kalau kat luar tu kalau awak tengok mesti awak terperanjatlah, “abang Ebby ni yeke” centu la. Sebab pada

saya, saya pegang satu [1] prinsip yang ‘bukan semua orang suka dengan kita’. Jadi kalau kat luar sana saya buat perangai macam saya dalam tv berlawak-lawak, jumpa orang ni berlawak jumpa orang tu berlawak, bukan semua. Mungkin sepuluh [10] orang yang duduk disitu mungkin dua [2] orang je yang suka dengan kita, yang lapan [8] lagi tak suka. So [jadi] bayanganlah bertapa menyampah dia tengok kita berlawak dekat luar teapi apabila kita didalam tv atau diatas pentas kita berlawak dan orang yang tak suka tu ada, salah dia lah kau dah tahu aku ada kenapa kau datang tengok (NF dan NNN nersetuju dengan kata-kata EY). Kat luar itu tempat umum, kita la silap, yang kau dok berlawak depan orang tu pasal apa kan, pada saya macam tu la.

NNN : *So [jadi] lepas dah berlakon atas stage [pentas] selepas itu pandemik Covid-19 melanda negara kita, so [jadi] rancangan J.K.K ini telah mengubah sedikit konsep pergi ke konsep dengan menggunakan Google Meet, boleh encik ceritakan sedikit bagaimana encik menyesuaikan diri encik dengan konsep baharu ini.*

EY : Sebenarnya agak kekok. Sebabnya kita selalu berkomedi ni bergerak, tapi kita hanya boleh gerakkan tangan, macam ini la (ambil menggerakkan tangan) begitu je. Jadi syukur Alhamdulillah, saya punya komedi adalah *word* [perkataan] perkataan, jadi saya kalau tak bergerak pun inshaAllah la, berbeza dengan *Ropi*, *Ropi* dia *movement* [gerakan] betul? (semua mengangguk) jadi bila dia *movement* [pergerakan] dia terhad dia ada masalah sikit, tapi saya komedi saya perkataan, *words* [perkataan] kan tak jadi masalah sangatlah Cuma tak sedap juga la sebab kita nak bergerak. Sebenarnya apabila pandemik ini datang pihak *station* [stesen] bagitau kita akan *shoot* [rakam] jugak untuk musim ke tujuh [7] tetapi guna ini (ambil menunjuk *platform Google Meet*). Saya mula-mula memang macam “eh macam mana eh, tak boleh kot, cemana eh nak buat” (EY berdialog sendiri) tapi diorang yakin boleh buat. Ketika itu kekangan nya selain daripada kita nak pergi ke studio, studio hanya boleh pergi sorang je - - jadi adalah cerita, cerita ketika itu dibenarkan untuk kita buat adalah cerita tentang pandemik je, maknanya tenag SOP tentang itu tentang ini, lagi la dia ... sebab dia punya skop kan tak besarkan macam kita bercakap kita bagi ceramah je jaga SOP.

Kat situ kita kena komedikan dia. Itu yang saya rasa cabaran yang amat besar dan saya tak tahu la bawa benda tu, bila *station* [stesen] bagitau dia kata Alhamdulillah pegi sejuta [1 000 000] juga la orang tengok, “eh yeke, takkan kot kita duduk macam tu je” (EY bermonolog sendiri) tapi dia kata masih ada *followers* [pengikut] la. *Okay* [baiklah] pada mulanya sepatutnya saya sorag je di studio pelakon lain semua di rumah masing-masing melalui *Google Meet* sebab di studio tidak dibenarkan lebih daripada sorang pelakon, jadi saya ketua kampung jadi saya kena tunggu kampung konon nya diorang semua ini balik kampung kemudian tersekut disebab kan PKP, jadi saya tinggal di J.K.K tu jaga tetapi saya orang yang berisiko tinggi untuk dapat - - jadi saya cakap dengan diorang boleh tak saya tukar, itu sebab awak tengok episode pertama ke kedua ke saya ada dalam studio lepas tu saya dah ke rumah ganti *Ropi*, jadi diorang bersetuju atas sebab-sebab itu untuk *Ropi* ke studio dan saya ke rumah saya buat dirumah kononnya saya tinggal kan tanggungjawab J.K.K tu kepada *Ropi*, macam itu la.

**NNN : So [jadi] sepanjang berlangsungnya PKP ini, kebanyakkan artis menghadapi masalah kurang lakonan dan pengambaran jadi pada masa itu apa encik buat untuk mengisi masa lapang semasa musim PKP?**

**EY :** Saya dari segi kerja memang terkesan la sebab tak boleh *shooting* [rakam], lama dari PKP pertama yang berapa bulan, tiga [3] bulan duduk rumah tu memang terkesan la tapi syukur Alhamdulillah kerana Allah masih bagi rezeki lagi saya banyak buat *review* [ulasan] orang telefon nak *review* [ulasan], so, [jadi] barang dia *post* [hantar] saya buat *review* [ulasan] dekat rumah, masuk IG dia dan IG saya, so [jadi] dia bayar. Selama PKP itu saya berbelanja menggunakan duit *review* [ulasan] itu, banyak *review* [ulasan] dapat. Syukur Alhamdulillah sangat. Itu yang mendatangkan hasil maknanya kan. Kerja masa lapang saya, saya memang ada minat sendiri untuk mengisi masa lapang sebab saya memang tak keluar langsung, saya dekat rumah so [jadi] saya suka melukis sebenarnya so [jadi] Lukis macam-macam lah (ambil menunjuk karya seni beliau tetapi tidak dapat dilihat dengan jelas kerana masalah teknikal) jadi saya beli kanvas saya melukis la tapi saya tak pernah menjual lukisan saya (AQ, NF dan NNN

bertanya serentak: kenapa tidak jual) saya memang macam tu memang saya suka untuk tengok. Banyak berpuluhan-puluhan lukisan saya tetapi saya tak minat nak jual (AQ mencelah berkata maknanya untuk mengisi masa lapang sahaja lah) sebenarnya saya melukis bila saya *stress* [tertekan] tu keluar (ambil menunjuk gerakan tangan) kalau tak *stress* [tertekan] macam ni takde la. Kalau saya melukis tu *stress* [tertekan] la tu. Yang saya buat masa PKP *review* la yang paling banyak lepastu ada satu [1] kebetulan, nak cerita ke itu, yang viral haritu, (semua serentak bertanya: yang mana?) yang ada orang bagi saya duit itu, kebetulan Allah hantar orang hati mulia taktau tiba-tiba saya tak kenal dia saya tak pernah jumpa dia, dia bagi kat saya duit, sepuluh ribu [10 000] *Singapore* [Singapura], so [jadi] tiga puluh ribu [30 000] lebih dia kata belanja lah semasa PKP ini, rezeki Allah bagi saya duduk dirumah - - buat-buat begitulah.

**AQ :** Setahu saya masa empat [4] atau lima [5] tahun yang lepas encik ada menerima rawatan di IJN dan di Hospital Kuala Lumpur betul?

**EY :** Tahun 2018 kot tak silap saya. Saya dua [2] tahun sakit, sakit agak-agak serius jugak la sakit. Saya sakit tu saya ada enam [6] penyakit, semuanya kronik so [jadi] kalau awak lihat saya hari ini, mungkin awak pun rasa macam “eh abang Ebby ni dulu pernah sakit macam ni ye” (EY bermonolog sendiri) tapi dengan izin Allah dengan doa-doa orang dekat luar sanakan, dulu perut saya dia jadi macam busung tau pastu kaki bengkak tak boleh pakai seluar tak boleh pakai kasut bengkak dia macam orang kata *retention* [pengekalan] sebab orang kata buah pinggang bocor dan waktu itu doktor hampir-hampir nak buat tapak untuk nak *diosease* [istilah perubatan] tapi syukur dengan izin Allah saya bergerak mencari peawar-penawar diluar selain di hospital. Lagi dua [2] minggu nak pergi umrah ada orang - - orang juga yang bawa saya pergi umrah bayarkan apa semua, lagi dua [2] minggu tu saya keluar bilik air saya tengok perut saya “eh perut saya “ (EY bermonolog sendiri) lepas itu PA saya kata, “bang perut abang tu kempislah”, “hah tu la aku cakap, aku rasa ringan” (perbualan antara PA EY bersama EY). Hah itulah dapat buat tawaf jalan kaki, kalau tidak saya jalan sikit je dah mengah, berus gigi pun berus berhenti dua [2] kali tiga

[3] kali, berus-berus berhenti, dia mengah. Alhamdulillah la. (Semua mengucap Alhamdulillah kepada EY). Izin Allah kan. Dia tak bagi hensem Dia bagi kesihatan.

**AQ :** **Kesihatan lagi penting encik**

NNN

**AQ :** **Dulu encik sakit jantung dengan buah pinggang kan?**

EY : Jantung dah *by pass* [sudah lepas] tahun sembilan puluh lapan 98 [1998], jantung kencing, kencing manis, darah tinggi, gastrik kronik, saraf, buang pinggang bocor, prostat, maknanya ada tujuh [7].

**AQ :** **Sekarang ini encik dah sihat elok lah?**

EY : Alhamdulillah boleh buat kerja la sekarang ini, nak kata sihat sangat tu tak lah.ada juga la *part-part* [bahagian-bahagian] yang saya tak buat contohnya yang *shooting outdoor* [pengambaran luar] saya tolak dulu sekarang. Saya ambil banyak dalam studio la. Yela dengan faktor umur lagi. Tapi Alhamdulillah la lebih baik daripada sebelum ini lah.

**AQ :** **Dalam tempoh encik sakit tu dua [2] tahun tu memang encik tidak berlakon?**

EY : Tak memang tak lah.

**AQ :** **Pendapatan encik bagaimana?**

EY : Masa dua [2] tahun tu? itu saya kata betapa hebatnya Allah S.W.T kan, Dia banyak hantar, memang Dia hantar keliling saya selain daipada adik-beradik saya yang memang kata orang amat kasih sayang kami terhadap adik-beradik, kami tak kaya tapi kami kasih sayang lah adik-beradik kami, selain daripada itu, Allah hantar saya kawan-kawan, sahabat-sahabat yang hebat-hebat yang taknak dengar saya

bermasalah. Setiap hari ada je kawan saya telefon bagi duit telefon bagi duit, sampaikan saya taknak - - *okay* [baiklah] ada orang suruh saya bagi nombor akaun, buka akaun sebab diorang nak bagi tapi saya kata “saya tak mahu, doakan saya sihat je” tapi kawan-kawan yang rapat dengan saya yang sama-sama kawan-kawan daripada *Maharaja Lawak* tu budak-budak tu yang kamu lihat di pentas *Maharaja Lawak* tu, semua bantu saya, sedangkan Cina *Douglas Lim* tu pun “*eh bro lu bagitau gua apa problem*” [abang beritahu saya apa masalah abang ada masalah apa sekarang]. Sampai macam tu lah, boleh dikatakan memang hebat Allah, syukur Alhamdulillah dia tak jadi masalah sebenarnya dan waktu saya pergi berubat sampai ke Kedah, apa kawan-kawan saya di Kedah cakap, “datang je kau datang je, duit minyak je kau datang sini, tempat tidur aku bagi bayar tempat tempat berubat pun aku bayar, semua”. Jadi saya pergi lah, syukur Alhamdulillah dan ada sorang lagi kawan saya sampai dia kata selain daripada itu kalau awak ada baca viral jugak kan pasal ada orang nak derma buah pinggang ke saya kan. Dua [2] orang tu satu [1] perempuan satu [1] lelaki, tapi saya kata, setakat ini tak perlu lagilah sebab diorang pun ada keluarga, saya taknak lah kan lagi pun syukur Alhamdulillah nak memerlukan buat *transplant* [pemindahan] macam tu la kan, satu [1] kawan say ani dia beritahu PA saya dia cakap-cakap dengan Ebby, “bila dia *free* [percuma] untuk aku hantar dia berubat di India. Jangan tanya pasal duit jangan tanya pasal kos perbelanjaan dan bawa satu [1] orang teman, semua atas dia. Tapi saya balik saya tanya adik beradik saya, pastu adik beradik saya kata, “tak payah la Tam sebab nya jauh, kita cari dekat-dekat sini , lagipun macam apa pula nak pakai duit orang”. Saya cakap orang tu bukan nak bagi pinjam kea pa dia memang nak tolong, syukur Alhamdulillah. Ketika itu yang saya rasa, saya ada empat [4] biji kereta tiga [3] restoran dalam masa tak sampai setahun habis semua, waktu saya sakit tu. Saya kumpulkan itu selama lima belas [15] tahun tetapi tak sampai setahun, dua [2] bulan ke tiga [3] bulan habis. Tapi saya tak kesal saya saje menceritakan pengalamanku. *Okay* [baiklah] itu saya kata syukur Alhamdulillah semua dibantu oleh kawan-kawan, maknanya dengan izin Allah lah, Allah datang kan kawan-kawan untuk bantu saya, kawan ni beli kawan tu beli empat [4] biji kereta saya tu, saya takde hutang. Kalau tidak susah kita nak jual kereta kan. Ni kawan ni kata “ni aku bagi duit banyak ni, aku sambung bayar”, dah selesai. Pastu

sebijik tu ada satu [1] Datuk tu dia ambil, dia kata,”jadi Ebby saya takde satu [1] kereta Datuk, eh takpe ambil dia punya *Estima*”. Macam tu lah syukur Alhamdulillah, saya tak tau apa nak cakap.

**NF : Rezeki.**

EY : Ya rezeki. Sampai sekarang pun kereta yang saya pakai sekarang ini ada satu ustaz bagi dekat saya tetapi saya sambung bayar la cuma saya tak bayar dekat dia lima [5] sen pun. Tapi saya buat kerja-kerja amal dengan dia lah, sebab saya dengan dia dah lapan [8] tahun, kami ada tahfiz di Sungai Pusar.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA**

AQ : Okay [baiklah] sekarang kita nak masuk kepada pengalaman Encik lah. Sepanjang bergiat dalam industri seni ni, boleh tak encik berkongsi tentang pengalaman yang tidak dapat Encik boleh lupakan semasa jadi pelakon?

EY : Dia macam ni la, pengalaman macam saya ni saya orang yang bermula daripada tahun lapan puluh an [1980 an] maknanya lapan puluh dua [1982] ketika itu macam saya kata tadi memang susah amat sukar untuk meletakkan diri kita sehari dengan pelakon-pelakon yang ada ketika itu. Jadi pengalamannya pahit getirnya yang saya cakap tadi lah yang saya ceritakan tadi saya tak dapat lupa macam mana saya jalan kaki untuk pergi *shooting* [pergambaran] di Filem Negara yang jauhnya lebih yang lebih daripada saya ingat sepuluh [10] kilometer kot berjalan kaki. Lepas tu di mana tiap-tiap minggu saya - - waktu itu boleh katakan seminggu sekali jumpa nasi ni sebab saya takde kerja kan waktu tu mula-mula nak berlakon. Ketika itu bayaran bukan macam sekarang ni, jadi kita mengharapkan simpati orang yang bekerja kawan yang bekerja bomba apa semua. Jadi nak tunggu diorang *rehearsal* [raptai] datang berlatih hujung minggu saja. So [jadi] bila dia datang hujung minggu satu minggu tu barulah kita dapat makan nasi. Barulah dapat, kalau tidak roti dua [2] tiga [3] puluh sen beli kuah kari roti kosong tu kita beli kuah kari saja cicah makan dengan roti. Tu semua saya dah lalui. Itulah pengalaman-pengalaman yang membuatkan hari ni kita jadi kata orang, macam mana eh kalau saya lihat orang-orang hari ni senangnya korang eh. Tapi mungkin diorang tak sekuat orang-orang dulu macam tu lah. Mudah tersinggung, mudah melompat, bila teguran netizen macam tu lah. Dia macam tak berapa kuat. Lepas tu dia banyak yang ye lah kita pun Nauzubillah lah hidup ni kita punya aib kan. Tapi sebenarnya semua orang ada aib kan tapi Allah lindungi cuma kebanyaknya hari ni yang kadang-kadang dia tahu benda ni adalah satu *public figure* [tontonan umum] tapi dia bagi orang lihat. Pengalaman saya memang kepayaan itu bermula daripada saya mula ni sehingga lah saya bermula pulak komedi. Era kepayaan itu dia dah bertukar bila

saya main komedi dia terus bertukar nampak dia punya peningkatan tu sampailah ke hari ini dan satu lagi yang saya rasa sebab saya hidup dengan penyakit. Kan sakit yang saya ada tadi, saya di awal dua puluhan kena dah ada dah kencing manis, darah tinggi. Jadi maknanya kita hidup dengan penyakit bukan hidup dengan sakit, dengan penyakit. Makna dia ada je dalam badan kan cuma kita kuat lah kita kena kuat lah. Kadang-kadang dia tak tentu masa kadang-kadang dia datang, *rilex* [santai] lah macam tu lah. Jadi pengalaman tu, cukup ke? (ketawa) saya pengalaman takde lah. Kepayahan zaman itu memang susah nak dapat tempat memang susah nak dapat berlakon sebab ketika itu kita tak macam hari ni yang ada telefon yang orang boleh telefon kita di mana pun. Waktu tu *handphone* [telefon bimbit] pun tak ada. Kalau kita banyak duit baru ada telefon rumah, *so* [jadi] kita kena pergi tempat-tempat berkumpulnya pelakon-pelakon. Contohnya dulu di Chow Kit, orang panggil bawah payung jadi kita kena pergi dekat sana selalu sebab nanti ada pengarah yang nak cari pelakon dia akan pergi situ. Dia cari haa orang tu. Kadang-kadang ada pulak kawan-kawan yang contonya dia lebih kurang kita, perwatakan dia kadang bila pengarah datang kita belum sampai lagi dia tanya “*Eddy mana?*” “*ooo Eddy dia sebok sekarang ni*” aa ambik kat dia. Pun ada zaman tu. Itu pengalaman lah kan. Tapi kita lalui lah, kita kena lalui tapi syukur Alhamdulilah yang pastinya takde musuh dalam industri ni tu je lah. *Okay* [baiklah] cukup ke tu pengalaman tu?

**AQ** : **Cukup cukup.**

**EY** : Sebab saya tak reti nak mereka yang saya cerita dengan awak pada malam ni adalah pengalaman saya dan bukannya benda yang saya reka. Disebabkan tengok awak lancar je bercakap saya tak perlu nak pikir apa-apa.

**AQ** : **Selain daripada filem ‘Tuah’ antara filem yang dapat sambutan orang ramai ialah filem ‘XX Ray’ dan ‘I Know What You Did Last Raya’, oleh kerana terdapat *scene-scene* [adegan] yang mencabar ketika itu, mesti ada cabaran semasa melakukan watak dalam filem tersebut. Boleh encik ceritakan pengalaman?**

EY : Okay [baiklah] sebenarnya pada saya masa filem ‘Tuah’ tu saya rasa dia menjadi apa tu orang lihat tu sebab adanya Jamal Abdillah. Betul? Jadi saya tumpang lah. Jadi saya tumpang satu [1], kedua [2] nya yang saya tu agak – ni kan ketika itu saya tak banyak main filem. So [jadi] orang pun tak berapa kenal lagi tetapi bila timbul satu orang, ketika tu berat saya sembilan puluh lima [95] tu berat. Dan saya boleh buat – ke belakang itu yang membuatkan orang melihat satu kelainan. Ketika itu pelakon-pelakon ketika itu takde yang buat macam tu kan saya *fighting-fighting* [berperang] saya lompat ke belakang kan? Itu sebenarnya pengalaman. Itu je lah. Lepas tu kita berlakon dengan Dato’ Jamal Abdillah ketika itu dia bukan Dato’. Lagi satu ‘I Know What You Did Last Raya’ kerana saya berlakon dengan ‘Scenario’, ketika itu ‘Scenario’ tengah meletup. Jadi saya menumpang jugak dia, menumpang populariti dia. Jadi orang lihat ‘Scenario’, lepas tu ada scene saya dengan Era Fazira. Ketika itu Era Fazira pun tengah *boom* [meletop]. Jadi bila saya ada satu *scene* [adegan] dengan Era Fazira, orang sebenarnya nak tengok Era Fazira ternampak saya. Tu je sebenarnya. Dan pada saya, ye lah walaupun saya mungkin awal lagi pada diorang tetapi diorang terkenal dulu. Diorang lebih terkenal lagi pada saya. Jadi memang kita ni – masa tu saya masih orang yang malu yang merendah diri semua macam tu. Masa tu memang saya memang nak rapat dengan diorang nak berlelok semua memang saya rasa satu benda yang amat sukar lah. Itu lah pengalaman yang amat sukar lah. Tambah dengan Dato’ Jamal Abdillah pulak. Dan ‘XX Ray’ pulak, kerana itulah filem saya dengan arwah Ibrahim Pendek. Jadi Ibrahim Pendek adalah *legend* [lagenda] kan? Dan saya dukung dia ketika itu. Jadi pengalamannya saya dukung tu *shooting* [pergambaran] itu di Sawarak. Jadi dalam hutan, arwah ni walaupun dia badan rendah, tapi dia padat. Berat (ketawa). Lepas tu adanya ketika itu Faizal Hussein tengah meletup, Shaharuddin Thamby tengah meletup haa ketika itu. Jadi saya pun sama jugak lah saya tumpang populariti diorang tu. Orang nak tengok diorang ternampak saya. Orang nak tengok Ibrahim Pendek ternampak saya dan ketika itu pulak *hero* [pelakon utama] pujaan adalah Edika Yusoff. Kan Edika Yusoff main dalam filem tu? Kira *hero* [pelakon utama] *handsome* [kacak] lah ketika itu. Kegilaan la kan. Kita menumpang orang lah haa tu je. Dan pengalamannya saya rasa lebih mencabar adalah ‘XX Ray’ sebab ‘XX Ray’ ni pertama sekali itu lah kali pertama saya naik kapal terbang nak pergi

ke Sarawak *shooting* [pergambaran]. Tu kali pertama saya naik kapal terbang. Banyak benda sebenarnya malu saya nak cerita yang berlaku kat dalam kapal terbang tu yang pengalaman berat saya la kan. Tu pengalaman saya, lepas tu sampai dekat sana pulak, itulah tempat yang paling jauh saya pergi dari Kuala Lumpur. Dan cabarannya lagi sewaktu *shooting* [pergambaran] cerita 'XX Ray' di Sarawak itu adalah bulan puasa. Itu cabaran lagi kuat lah sebab kita kat dalam hutan lah apa kan memang penat gila lah. Itulah kali pertama saya *shooting* [pergambaran] bulan puasa.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

## **BAHAGIAN 5: SUMBANGAN**

NF : Seterusnya kita pergi ke sumbangan.

EY : Sumbangan? Okay.

NF : Bolehkah encik ceritakan sedikit sumbangan encik kepada Industri seni?

EY : Saya sebenarnya yang saya tahu saya menyumbang industri seni ini, sebab saya lama sajalah. Saya lama dalam bidang industri ini, itu sajalah sumbangan saya. Saya nak katakan saya hebat, saya rasa tak ada pun, saya rasa biasa saja. Nak kata terlalu besar pun, biasa saja. Saya ini sebenarnya orang yang suam suam [suam suam kuku yang bermaksud tidak berapa hangat] saja. Yang ada orang kenal, ada orang tak kenal. Itu saja dan saya bukan meletup sampai macam diorang [mereka] meletup kaw kaw [terbaik] punya. Saya macam itu saja yang kadang kadang “Haa oh Ebby Yus”. Orang tak akan “Oh Ebby Yus oh” haa tak. Saya rasa lah. Jadi, sumbangan saya itulah dia. Tetapi bagi saya, erm (memandang ke penjuru kanan bawah sambil berfikir) apabila orang boleh terima kita lagi, maknanya kalau kita buat lawak orang boleh gelak lagi, saya rasa itu sumbangan yang ikhlas dan besar. Daripada sayalah. Selain daripada itu, kalau anugerah ini saya pernah dapat satu [1] anugerah selama dalam industri ini ‘Pelakon Komedi Terbaik 2010’, ‘Anugerah Seri Angkasa’ itu sajalah. Itu lah satu [1]. Syukur alhamdulillah. Membuktikan kita ini duduk dalam industri ini. Kan? Lain, saya rasa apa sumbangan saya yang besar? Saya tak ada apa (sambil menggelengkan kepala). Saya rasa saya macam pelakon pelakon yang biasa biasa sajalah. Mungkin kalau sumbangan untuk orang Negeri Sembilan, mungkin. Sebab saya yang bawa dialek Negeri Sembilan yang memperkenalkan dialek Negeri Sembilan di dalam industri, dalam TV [televisyen] ini semua. Orang banyak pegang bermula daripada saya. Itu sajalah bagi orang Negeri Sembilan. Tetapi untuk negara, saya rasa saya tak ada filem yang besar besar, yang boleh pergi bawa keluar negeri. Kemudian itu, contohnya macam duta, erm filem ke tak ada. Saya biasa saja. Dan saya tak banyak main filem pun. Haa, macam itu lah (tersenyum sambil mengangguk kepala)

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN**

**NF : Seterusnya kita pergi ke pencapaian.**

**EY : Pencapaian dalam bidang apa tu?**

**NF : Dalam bidang lakonan ini.**

**EY :** Okay lah bidang lakonan ini pencapaian, saya pernah (mengingati sesuatu) tercalon *top five* [lima ke atas] erm ‘Berita Harian’. ‘Anugerah Berita Harian’ dua [2] kali pergi ke *top five* [lima ke atas] tetapi memang tak lepas lah sebab banyak yang hebat hebat lagi. Tetapi sekurang kurangnya saya dapat tercalon untuk itu dan juga tadi yang saya katakan anugerah ‘Pelakon Komedi Lelaki Terbaik 2010’, itu sajalah yang paling tinggi saya rasa. Selepas itu saya dapat satu [1] anugerah daripada Negeri Sembilan, erm (sambil memikirkan sesuatu) anugerah seni budaya (Anugerah Tokoh Seni Budaya) erm saya lupa dah. Itu anugerah dalam industri lah. Kalau anugerah macam erm (berfikir) pingat ataupun daripada kerajaan negeri ini, saya ada dua [2] lah. Satu [1] PMC (Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat), satu [1] ANS (Ahli Setia Negeri Sembilan). Negeri Sembilan bagilah. Dia pingat cemerlang satu [1], satu [1] lagi ‘Ahli Setia Negeri Sembilan’. Dua [2] itu sajalahh. Dalam industri, yang itu tadilah. Tapi anugerah yang paling besar yang saya dapat, yang saya cakap tadi lah. Apabila saya buat komedi, orang gelak. Sebab anugerah itu adalah anugerah paling ikhlas. Itu paling ikhlas, kalau orang tak ikhlas dia tak akan gelak. Dia gelak itu sebab dia memang terhibur lah. Itu yang paling ikhlas. Itu pun pada saya “Ya Allah Ya Tuhan cukuplah itu”. Tak perlu dah *award award* [anugerah] itu sebenarnya. Kadang kadang, (membuat isyarat kedua belah tangan) nak cakap pun tak ini kan. Tapi itulah anugerah yang paling ikhlas dan paling besar. Bila kita naik *stage* [pentas] nak buat lawak, orang gelak bukan orang menangis. Syukur Alhamdulillah.

**NNN : Bagi kami, setiap orang mempunyai zaman kegemilangan dan kejatuhan tersendiri. Boleh kami tahu semasa encik berada di puncak kejayaan, apakah yang encik rasa dan apa yang encik dapat ketika itu?**

EY : Semua orang mengidamkan berada di atas, di puncak. Sesiapa pun. Tetapi saya nak ceritakan tentang saya. Saya tak ajak orang lain untuk mengatakan bahawa ini betul, tetapi inilah yang ada pada saya sejurus seikhlasnya. Bila saya berada di satu [1] tangga, saya pasti nak naik lagi dan nak naik lagi. Bila saya berada di puncak sebenarnya, kita kena bersedia pula untuk menerima kejatuhan. Yang paling penting sekarang ini, bukannya kita nak bersedia menerima kejayaan itu tetapi kejatuhan. Kejatuhan itu yang paling penting untuk kita bersedia menerimanya. Itu paling penting. Sebab, apabila kita jatuh kita *lost* [sesat]. Bila kita *lost* [sesat], memang kata orang kalau kita tak bersedia, maknanya kalau selama hari ini kau naik kereta tetapi sekarang kau kena naik ‘Bas Ekspress’ balik kampung, orang tengok kau “Apa pelakon ini naik bas?” haa contohlah. Benda benda ini. Kalau dulu kau beli baju mungkin di plaza plaza yang besar besar, *shopping shopping complex* [kompleks membeli belah] yang besar besar, sekarang kau terpaksa turun pasar malam beli baju yang lima [5] enam [6] ringgit. Ini benda yang kau kena terima. Yang kau kena bersedia untuk menerima. Adakah kita bersedia atau tidak? Tapi ini melalui pengalaman saya, diri saya sendiri, dimana pun saya duduk itu adalah ujian sama ada sebelum, tengah, ataupun selepas. Itu semuanya ujian. Sebab pada saya kehidupan ini kita sentiasa dalam ujian masih berada di dalam perut lagi. Kita sentiasa diuji, sentiasa dalam ujian. Maknanya, kita menangis ujian, kita ketawa ujian, kita kaya ujian, kita miskin ujian, semua ada ujian. Bila kita kaya, ujian. Sombong minta kita. Bila kita miskin, ujian. Kita jadi marah dengan Tuhan ke apa ke, ujian. Kita sakit, ujian “Kenapalah Tuhan bagi aku sakit”, itu ujian itu. Kalau kita cakap macam itu macam mana? Kita sihat, kita lupa. Ujian. Jadi, apa saja pergerakan kita di atas dunia ini, selagi kita bernafas itu adalah ujian. Itu prinsip saya. Maka itu, dimana pun saya berada, saya akan tetap bersedia untuk sebuah kejatuhan. Kerana yang pasti adalah jatuh, pasti. Berjaya belum tentu. Kalau yang lebih rapat lagi, yang pasti adalah adalah mati. Yang lain itu tak pasti, sakit tak pasti, mungkin tidak. Tetapi mati pasti. Begitulah kejatuhan. Macam mana pun kau akan jumpa kejatuhan. Jadi, bersedia itu sajalah. Haa, betul?

NNN : **Betul betul.**

&

NF

EY : Jadi Insyaallah. Saya kata, kalau kita *dik* [adik] eh, kalau jadi benda ini, Insyaallah. Kau tak akan erm (ambil berfikir) hilang--. Bila kita jatuh, kita tak akan buat kerja yang tak betul lah, maknanya melakukan tindakan yang tak baik ke macam mana ke. Sebab saya kata tadi, saya kumpulkan dalam masa 15 [lima belas] tahun, tiga [3] biji restoran, empat [4] biji kereta, tetapi dia pergi dalam masa dua [2] tiga [3] bulan saja. Habis (ambil membuat isyarat tangan habis). Jadi kalau kita tak kuat, kalau kita tak bersedia untuk kejatuhan ini, kita jumpa orang pun taknak. Kita malu. Tapi saya, saya cakap saja. Orang tanya saya cerita, saya tak ada *sorok sorok* [sembunyi]. Mungkin entah berapa ramai lagi yang akan dengar ini yang akan tahu nanti. Saya menganggap apa yang saya bagi malam ini adalah untuk pengajaran orang lain. Itu sebab saya bersedia untuk terima kamu untuk saya berbual, saya tak tanya pun berapa nak bayar saya. Walaupun saya tahu bahawa saya ada *fee* [bayaran] untuk saya ambil bila saya berbual satu [1] jam ke apa, tetapi saya tak nak itu. Saya nak orang dapat, ambil daripada apa yang saya cakap ini, kalau dia guna dapat jadi pengajaran pada dia, oh syukur Alhamdulillah. Itu paling besar bayaran yang awak bayar kat saya. Kan?

NNN : **Terima kasih.**

NF **Betul.**

EY : (tersenyum)

#### **TAMAT BAHAGIAN 6**

## **BAHAGIAN 7: HARAPAN**

**AQ : Sekarang ini kita nak bercerita pasal harapan. Apa harapan encik kepada generasi sekarang yang berkecimpung dalam bidang industri seni ini?**

**EY :** Apa saja kita buat kita kena ada macam serampang dua [2] mata. Itu lebih baik. Maksudnya, kita jangan kejar *glamour* [daya tarikan yang menakjubkan] sebab *glamour* [daya tarikan yang menakjubkan] akan datang sendiri. Sebaliknya, sematkan dalam hati aku berkecimpung dalam bidang industri ini kerana aku hendak kan tempat ini, platform ini. Untuk menyampaikan sesuatu secara tidak langsung kepada masyarakat. Jangan *lagha* [melakukan perkara yang sia sia] saja. Maknanya jangan pikir nak duit tapi sebaliknya kita kena fikir kepada orang baru ini, adanya itu. *Okay* [baik] contohlah eh, “Fuh kalau aku dapat duit banyak kalau aku ada rezeki lebih mungkin aku nak bantu orang” haa “Mungkin aku nak buat cerita cerita yang berbentuk yang boleh menyedarkan apa--”, haa macam itulah. Jangan kita kejar *glamour* [daya tarikan yang menakjubkan] sebab kita ini orang timur. Ini saya cakap lelaki ke perempuan tetapi terserah pada dia lah, ini saya. Erm (berfikir) *glamour*, kita tak mampu untuk jadi *glamour* sebab kita ini orang melayu. Kita bukan macam Bollywood atau Hollywood. Bollywood atau Hollywood ini setakat mana *glamour* nya kita boleh wood ini. Orang melayu ini.

**NNN : Indon, Brunei kan?**

**EY :** Haa samalah. Indon pun masih kepada *glamour* [daya tarikan yang menakjubkan]. Tetapi macam kita ini terutama orang melayu ini. *Dik* [adik], kau *glamour*, kau beli bawang kat mana *dik* [adik]? Kau *glamour*, nama kau meletup letup, kau beli bawang kat mana? Kau beli tepung kat mana? Di Malaysia ini tidak ada satu tempat khusus macam di America, ‘Beverly Hills’. Di mana pelakon pelakon apa semua duduk *diorang* [mereka] dalam itu ada *shopping complex* [kompleks membeli belah], *diorang* [mereka] dalam itu ada apa pergi beli kat dalam itu saja, orang luar tak masuk. Kalau setakat kita banyak duit pun, kita *glamour*, kita pergi beli dekat mana tempat *shopping* [membeli belah] dalam Kuala Lumpur ini yang paling hebat sekali? Di apa? ‘Time Square’? Eh orang lain pun pergilah.

Bukan pelakon saja, orang lain, budak *dispatch* [penghantaran] pun pergi situ beli. Haa, jadi kau nak *glamour* apa? Satu [1] lagi soal maruah. *Glamour* [daya tarikan yang menakjubkan]? Kau sanggup *glamour* macam Bollywood, macam Hollywood? Pakai seluar dalam jalan kat tepi pantai tu apa semua, pakai *swimming suit* [pakaian renang] saja. Tu baru *glamour* [daya tarikan yang menakjubkan]. Tapi kau masih lagi pakai kembang, tak payah *glamour* lah (membuat isyarat tangan kanan tidak, sambil ketawa). Itu fahaman saya, itu pegangan saya. Saya pun tak *glamour* [daya tarikan yang menakjubkan] tetapi bakat saya yang *menglamourkan* [membuat ada daya tarikan yang menakjubkan] saya. Tu saya katakan tadi awal awal, wartawan tak lihat saya pun. Mana saya nak *glamour*? Berbeza dengan orang hari ini, contohnya macam ‘Maharaja Lawak Mega’ apa semua ini, diorang dikenalkan dulu sebelum terkenal. Contohnya sekarang ini ‘Mencari Sepahtu Yang Hilang’. Saya adalah tenaga pengajar dia, salah seorang. Budak budak ini sebelum terkenal, dah dikenalkan. Dah keluar dalam *TV* [televisyen] lah apa benda nama dalam surat khabar. Belum terkenal lagi tapi dah dikenalkan. Maknanya kalau dia tak menang pun, maknanya kalau dia tak dapat juara pun, orang dah kenal dia. Berbeza dengan saya dulu (sambil membetulkan posisi duduk). Tetapi hari ini kenapa orang kenal saya? Kerana bakat. Kerana bakat dan kebolehan itu menyebabkan orang kenal kita menyebabkan kita *glamour*. Sebenarnya tak *glamour* pun, orang yang anggap *glamour*. Sampai orang jumpa saya, takut nak dekat. Takut tegur kan saya tak nak jawab. Haa, dia jadi macam itu. Padahalnya cuba la tegur dulu. Kan? Haa macam itulah. ALISA QISTINA ROSSLEE. *Okay* [baik] soalan awak itu, menjawab ke?

**AQ :** Alhamdulillah, menjawab. Sekarang ini apakah harapan encik terhadap industri seni pada masa akan datang?

**EY :** *Okay* [baik]. Industri seni makin berkembang. Jadi, harapan saya satu [1] saja. Kalau kita nak bawa budaya orang untuk dibawa pergi dekat orang, orang luar sana tak akan terima sebab itu budaya dia dan dia lebih bagus lagi buat daripada kita. Tetapi saya mengharapkan industri ini, keluarkan budaya kita. Haa, kan? Keluar. Sebab orang luar ingin lihat budaya kita. Orang melayu ini sewaktu ketika dahulu pernah dikatakan oleh orang orang luar sana, adalah orang orang yang duduk diatas pokok. So, [jadi] sekarang

kita nak *diorang* [mereka] tahu, *diorang* [mereka] tengok bahawa kita tak pernah duduk atas pokok pun. Dan hari ini kita macam ini. Itu yang saya nak filem atau industri ini menjadi landasan untuk orang (berfikir sambil menggunakan isyarat tangan) nak memberitahu orang luar sana melalui industri melalui filem ini, bahawa Malaysia ini orangnya macam ini, budaya dia macam ini. Tapi kalau kita bawa ‘Cerita Rock’ atau kita bawa cerita cerita ‘Fast and Furious’ lah, cerita cerita yang *gangster gangster* [samseng], *diorang* [mereka] lebih *gangster* [samseng] daripada kita, dia taknak tengok. Yang *diorang* [mereka] tak tahu dan tak biasa tengok ‘Zapin’, ‘Joget’, ‘Inang’. Haa ini yang *diorang* [mereka] tak pernah tengok.

NNN : ‘Congkak’, ‘Silat’ apa semua.

EY : Haa. Yang *diorang* [mereka] tak biasa tengok dan nak tengok. Kalau kita bawa cerita *diorang* [mereka] main ‘Tomoi’, orang Siam nak tengok buat apa ‘Tomoi’ Malaysia, dia punya ‘Tomoi’ meletup letup daripada kita. Haa contoh macam itulah. Harapan saya supaya industri ini kalau boleh janganlah ada ‘Birokrasi’. Sebab ini satu [1] benda yang cantik. Seni ini halus, seni ini indah. Seni ini tidak perlu dilacurkan dengan benda benda itu. Seni ini harus diangkat menjadi cantik, wangi, harum dan boleh dihidu oleh orang lain adalah satu benda yang amat berharga. Sebab seni itu, dia bukannya awak tengok macam ini (sambil menunjukkan jari telunjuk) tetapi dia lahir dan rasa melalui perasaan. Kalau anda bagi topeng tanpa rasa apa bendanya. Jadi, lebih baik kita bagi satu benda yang orang bukan dapat lihat tapi dapat rasa. Sebab lihat, kau tutup mata, kau dah tak nampak. Tetapi rasa, kau tutuplah mata, kau tetap ada rasa. Itu saja. Apa pun *dik* [adik], bukan saja industri ini, bidang *korang* [awak semua] pun sama. Sebab kita bekerja erm (sambil berfikir) zahir dan batin. Kalau kita zahir je, dia akan hilang dia akan habis Tapi kalau dengan batin sekali, sama saja macam orang *kawin* [bernikah] *dik* [adik]. Orang *kawin* [bernikah], kalau *kawin* [bernikah] zahir je tak jadi apa. Dia nak kena pergi dengan batin sekali, baru ada rasa kasih sayang, cinta apa semua, baru dia lama. Tapi kalau zahir saja kau *kawin* [bernikah], tak lama lah. Selepas itu tanya pulak habis itu abang Ebby tak *kawin* [bernikah] pasal apa? Aku jodoh tak ada (ketawa)

NNN : (ketawa)

NF

&AQ

AQ : Last [akhir] sekali, boleh tak encik bagi sedikit kata-kata untuk para peminat encik yang menyokong encik daripada dulu sampai sekarang?

EY : Kepada semua lah, saya tak kisah orang yang menyokong saya ke tak menyokong saya ke, saya kenal ke atau saya tak kenal, peminat saya ke tak peminat saya ke. Saya sedar bukan semua orang yang suka dengan saya, saya sedar bukan semua orang yang tak suka dengan saya. Kepada semua yang suka dengan saya, saya amat menyukai dan menyayangi anda semua. Yang tak suka dengan saya, saya tetap mengasihi, menyayangi dan menyukai anda semua, siapalah saya nak membenci anda semua, saya insan biasa banyak dosa, doakan saya maafkan saya. Itu sahaja. (ketawa) Okay?

NF : Okay.

&

NNN

TAMAT BAHAGIAN 7

## **PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Muhammad Yunus Bin Abdul Rashid, di sepanjang perkhidmatan beliau sebagai pelakon dan pelawak seni tanah air dari tahun 1983 sehingga kini. Kami mengucapkan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Industri seni lakonan dan komedi para penyelidik pada masa akan datang.

Sekian terima kasih.

## 6.0 Log Temuduga

Alisa Qistina, Nurul Farihah dan Nurul Nabilah Najwa menemubual Encik Muhammad Yunus Bin Abdul Rashid atau dikenali sebagai Ebby Yus, yang dilahirkan pada tahun 1965, di Negeri Sembilan. Temubual dijalankan dengan menggunakan platform ‘*Google Meet*’, mengenai latar belakang dan pengalaman Beliau sebagai seorang pelakon dan pelawak seni tanah air dari tahun 1983 sehingga kini.

| MASA                              | SUBJEK  | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN  |
|-----------------------------------|---|--|
| <b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b> |   |  |
| 1:08                              | Nama sebenar.   | <ul style="list-style-type: none"><li>• Muhammad Yunus Bin Abdul Rashid.</li></ul>   |
| 1:29                              | Menceritakan bagaimana nama panggilan ‘Ebby Yus’ wujud. | <ul style="list-style-type: none"><li>• Seniman Ali Fiji memberi nama ‘Ebbeat’ dan ditukar kepada nama ‘Ebby’ oleh pelakon lama yang bernama Taruddin.</li><li>• Yus berasal daripada Yunus.</li></ul>   |
| 3:43                              | Tempat kelahiran.                                       | <ul style="list-style-type: none"><li>• Lahir di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.</li><li>• Kampung Jerjak, Padang Lebar.</li></ul>   |
| 4:52                              | Tempat tinggal sekarang.                                | <ul style="list-style-type: none"><li>• Menetap di kampung Baru, Kuala Lumpur.</li><li>• Kakak beliau masih ada di kampung.</li></ul>  |
| 6:12                              | Nama dan pekerjaan ibu bapa.                            | <ul style="list-style-type: none"><li>• Nama ayah ialah Abdul rashid Bin Awang.</li><li>• Nama ibu ialah Kalsom Binti Mat Zin.</li><li>• Pekerjaan ayah adalah tukang rumah selain daripada meniaga kedai makan.</li><li>• Pekerjaan ibu dulu membuat kerja – kerja kampung.</li></ul> |
| 7:00                              | Adik beradik.   | <ul style="list-style-type: none"><li>• 10 orang adik beradik satu mak dan satu ayah.</li><li>• Anak ke 7.</li></ul>   |

|                                       |  |  |
|---------------------------------------|--|--|
|                                       |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Abang adalah salah seorang adik beradik yang terlibat sama dalam bidang seni.</li> </ul>  |
| <b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b> |  |  |
| 9:24                                  | Sekolah.   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah rendah di sekolah padang lebar.</li> <li>• Bersekolah di sekolah menengah Batu Kikir sehingga Tingkatan 3.</li> <li>• Tingkatan 4 dan 5, bersekolah di Sekolah Vokasional Seremban. (sijil pelajaran vokasional).</li> </ul>  |
| 10:35                                 | Minat ingin menjadi pelakon.                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minat ingin menjadi pelakon tak kuat.</li> <li>• Pernah membuat persembahan pentas sewaktu di kampung dengan anak sedara.</li> </ul>  |
| 11:14                                 | Tamat persekolahan.                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 83 hujung tamat sekolah.</li> <li>• Datang ke Kuala Lumpur.</li> <li>• Bekerja di kilang bakar bata.</li> <li>• Dapat kerja di sebuah restoran di Bukit Bintang iaitu tempat ramai artis datang makan.</li> </ul>   |
| <b>BAHAGIAN 3: KERJAYA</b>            |  |  |
| 11:48                                 | Menceritakan permulaan Beliau ingin menjadi pelakon. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanya makeup artis yang bernama Iz bagaimana ingin menjadi pelakon.</li> <li>• Pernah terlibat dengan teater bangsawan.</li> <li>• Ada ambil aras tarian di Kompleks Budaya Negara.</li> <li>• Kawan ajak pergi uji bakat riwayat hidup P. Ramlee.</li> <li>• Ali Fiji ada buka satu akademik seni lakon dijalan ipoh.</li> <li>• Ali Fiji nampak bakat Ebby Yus dan mengajaknya belajar belakon di akademiknya.</li> </ul> |

|       |  |   |
|-------|--|---|
|       |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ebby Yus tidak mempunyai duit untuk membayar yuran dan dibenarkan ikut berlakon dengan syarat perlu mengajar silat.</li> </ul>   |
| 17:28 | Perbezaan menjadi pelakon antara zaman dahulu dengan zaman sekarang. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Susah ingin mencari tempat dalam dunia lakonan pada zaman dahulu.</li> <li>• Dahulu tak sama dengan sekarang.</li> <li>• Zaman sekarang, yang ada rupa boleh berlakon.</li> <li>• Dahulu kena ada uji bakat walaupun nak jadi pelakon ekstra sekalipun.</li> </ul>   |
| 18:46 | Ebby Yus menjadi pelakon disebabkan bakatnya.                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau naik memang betul – betul disebabkan bakat.</li> <li>• Bukan disebabkan wartawan atau orang dalam.</li> <li>• Bila dah Nampak bakat, barulah wartawan datang jumpa.</li> <li>• Kena banyak sabar kerana industri ini besar untuk meletakkan diri dimata orang ramai.</li> </ul>   |
| 19:56 | Menceritakan mengapa Beliau ingin mencebur diri dalam bidang seni.   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Disebabkan tiada akademik untuk bekerja.</li> <li>• Kalau bekerja pun, kerja – kerja kasar yang tidak memerlukan sijil.</li> <li>• Permulaan menjadi pelakon kerana terpaksa sebab tidak ada pilihan lain.</li> <li>• Jual kasut, ikut orang pergi pasar malam jual petai.</li> <li>• Waima sudah menjadi pelakon, masih lagi tolong orang jual petai di pasar malam.</li> <li>• Rezeki ada dekat berlakon.</li> </ul> |
| 21:54 | Inspirasi Ebby Yus.  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarga menyuruh pun tidak, membangkang pun tidak.</li> </ul>   |

|       |  |   |
|-------|--|---|
|       |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Arwah mak suruh pulang ke kampung tetapi Ebby Yus pantang menyerah kalah.</li> <li>• Seorang pemalu sehingga bertemu dengan kawan, baru ada keyakinan diri.</li> <li>• Bila dah dikenal, adik beradik bagi sokongan penuh.</li> <li>• Arwah datuk, Haji Ruhit tak suka tetapi tak membangkang.</li> </ul>                            |
| 24:43 | Umur sewaktu mula menjadi pelakon.       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tamat sekolah.</li> <li>• Tahun 83.</li> <li>• Umur 19.</li> </ul>   |
| 26:41 | Drama pertama.                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat watak utama dalam drama pertamanya yang bertajuk ‘bujang permai’.</li> <li>• Sebelum komedi, banyak dapat watak jahat.</li> <li>• Masih lagi baru dalam komedi (15/20 tahun).</li> <li>• Dapat watak hero kerana watak tersebut memerlukan pelakon berkulit gelap.</li> </ul>  |
| 29:30 | Permulaan dalam komedi.                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 2000 dah mula berkomedi.</li> <li>• Drama komedi pertama ‘Alamak Kawinkan Aku’.</li> <li>• Aziz Osman(along) orang yang mula bagi watak komedi.</li> <li>• Gado – gado sketsa.</li> <li>• Senario panggil berlakon dalam tahun 2009/2008.</li> <li>• Selepas muncul dalam Senario, orang mula panggil untuk komedi.</li> </ul> |
| 35:28 | Permulaan memegang watak dalam rancangan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Produser Erin nak letak Ebby Yus dalam satu karakter, bertajuk JKK.</li> </ul>   |

|       |  |   |
|-------|--|---|
|       | televisyen Jenaka Kampung Kalut (JKK).   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Produser Erin bagi alasan kenapa memilih Ebby Yus.</li> <li>• Station setuju.</li> <li>• Dapat watak sebagai ketua kampung.</li> </ul>   |
| 36:58 | Menjelaskan Beliau bukan seorang pelawak.  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau adalah pelakon yang membawa watak komedi.</li> <li>• Apa sahaja watak yang diberi, Beliau akan menghayati watak tersebut.</li> <li>• Komedi yang dilakukan di atas pentas adalah lakonan.</li> </ul>  |
| 40:12 | Menceritakan bagaimana berlakon dalam platform <i>google meet</i> bagi rancangan televisyen JKK. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Agak kekok.</li> <li>• Dalam <i>google meet</i> tak boleh bergerak.</li> <li>• Komedi Beliau dalam perkataan, jadi tidak ada masalah baginya.</li> <li>• Cerita berkaitan pandemik saja dijalankan secara <i>google meet</i> tetapi perlu dikomedikan.</li> <li>• Satu cabaran besar bagi Ebby Yus.</li> <li>• Sepatutnya Ebby Yus seorang sahaja perlu berada di set tetapi atas sebab tertentu, Beliau ditukar dengan Ropi.</li> </ul> |
| 43:56 | Kegiatan pada musim PKP.   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terkesan sebab tak boleh shooting.</li> <li>• Banyak buat <i>review</i> dari rumah melalui <i>Instagram</i>.</li> <li>• Belanja menggunakan duit <i>review</i> selama PKP.</li> <li>• Melakukan minat tersendiri seperti melukis.</li> <li>• Menerima wang sebanyak 10,000 Singapore (RM30,000) dari seseorang yang menyuruh Beliau berbelanja di musim PKP.</li> </ul>  |

|                               |  |  |
|-------------------------------|--|--|
| 47:36                         | Menceritakan penyakit kronik yang dihadapinya.                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun 2018.</li> <li>• 2 tahun sakit.</li> <li>• Mempunyai 6 penyakit kronik.</li> <li>• Mencari penawar di luar selain daripada hospital dan sembah.</li> </ul>  |
| 50:01                         | Menyenaraikan penyakit kronik yang dihadapinya.                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jantung, kencing manis, darah tinggi, gastrik kronik, saraf, buah pinggang bocor, prostat.</li> <li>• Tidak shooting outdoor dan banyak shooting dalam studio.</li> </ul>   |
| 51:04                         | Menceritakan bagaimana meneruskan hidup ketika sakit dalam tempoh 2 tahun. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap hari kawan – kawan telefon dan bagi duit.</li> <li>• Kawan – kawan dari maharaja lawak mega semua tolong.</li> <li>• Kawan bantu semasa berubat di Kedah.</li> <li>• Ada yang ingin menderma buah pinggang.</li> <li>• Ada yang ingin bantu Beliau pergi berubat di India.</li> <li>• 4 biji kereta dan 3 restoran habis semua dalam masa tak sampai setahun (kawan beli sehingga Beliau tak ada hutang).</li> </ul> |
| 55:38                         | Menceritakan ustaz yang membantu Beliau.                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kereta yang dipakai sekarang ada ustaz bagi (sambung bayar).</li> <li>• Buat kerja – kerja amal dengan ustaz.</li> <li>• Dah 8 tahun kenal dengan ustaz.</li> <li>• Ada tafsir.</li> </ul>  |
| <b>BAHAGIAN 4: PENGALAMAN</b> |  |  |
| 16:03                         | Menceritakan susah payah Beliau ketika                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidur di pejabat kerana rumah kakak Beliau jauh.</li> <li>• Pagi – pagi kerja Beliau tolong vakum pejabat.</li> </ul>   |

|         |   |  |
|---------|---|--|
|         | mula menceburい bidang seni lakonan.                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidur atas kertas surat khabar.</li> <li>• Tiada duit waktu itu.</li> <li>• Ibu menangis suruh pulang tetapi Beliau berusaha untuk meneruskan cita – citanya.</li> </ul>  |
| 16:38   | Menceritakan pengalaman pergi shooting jalan kaki.                | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalan kaki daripada sentol ke PJ.</li> <li>• Awal – awal pagi dah keluar jalan kaki.</li> <li>• Bayaran ekstra hanya RM40.</li> </ul>   |
| 32:35   | Menceritakan pengalaman shooting dekat rumah orang.               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewa rumah orang kampung apabila shooting outstation.</li> <li>• Anak lelaki pakcik tak bercakap dan tak suka dengan Ebby Yus.</li> <li>• Lepas 2 3 hari, anak pakcik datang minta maaf dan menjelaskan bahawa dia benci tengok Ebby Yus yang memegang watak jahat dalam TV.</li> </ul> |
| 56:53   | Menceritakan pengalaman yang tidak boleh dilupakan.               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketika Beliau jalan kaki pergi shooting di filem negara (10KM).</li> <li>• Seminggu sekali jumpa nasi.</li> <li>• Mengharapkan simpati kawan yang dah ada kerja.</li> <li>• Beli kuah kari sahaja dan cicah dengan roti.</li> </ul>   |
| 1:00:23 | Menceritakan pengalaman susah nak dapatkan tempat sebagai pelakon | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Waktu itu tidak ada telefon.</li> <li>• Kena pergi tempat pelakon berkumpul.</li> <li>• Pengarah yang ingin mencari pelakon akan pergi ke Chow Kit bawah payung.</li> </ul>   |
| 1:02:45 | Menceritakan pengalaman berlakon cerita ‘Tuah’                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang lihat cerita tersebut kerana ada pelakon ‘Jamal Abdillah’.</li> <li>• Beliau hanya tumpang populariti orang lain.</li> </ul>  |

|                               |  |   |
|-------------------------------|--|---|
|                               |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berat beliau 95 dan boleh melakukan aksi.</li> <li>• Watak yang dipegang lain daripada yang lain.</li> </ul>   |
| 1:03:46                       | Menceritakan pengalaman berlakon cerita ‘I Know What You Did Last Raya’. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berlakon dengan Senario.</li> <li>• Ketika itu Senario tengah meletup.</li> <li>• Beliau menumpang populariti Senario.</li> <li>• Ada <i>scene</i> dengan Era Fazira.</li> <li>• Pengalaman paling sukar apabila ingin berdialog dengan orang yang popular.</li> </ul>   |
| 1:04:53                       | Menceritakan pengalaman berlakon cerita ‘Xx Ray’.                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Filem dengan Ibrahim Pendek (legend).</li> <li>• Beliau dukung Ibrahim Pendek pada ketika itu.</li> <li>• Shooting di Sarawak, dalam hutan.</li> <li>• Pertama kali naik kapal terbang.</li> <li>• Tempat paling jauh Beliau pergi selain dari Kuala Lumpur pada waktu itu.</li> <li>• Shooting pada bulan puasa.</li> </ul> |
| <b>BAHAGIAN 5: SUMBANGAN</b>  |  |   |
| 1:07:29                       | Sumbangan dalam industri seni.   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebab Beliau lama.</li> <li>• Sumbangan paling besar adalah orang boleh terima Beliau membuat lawak.</li> <li>• Mendapat anugerah Seri Angkasa 2010.</li> </ul>  |
| 1:09:07                       | Sumbangan untuk orang negeri Sembilan.                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperkenalkan dialek Negeri Sembilan kepada orang ramai.</li> </ul>   |
| <b>BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN</b> |  |   |
| 1:10:09                       | Pencapaian dalam bidang lakonan.   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah tercalon top five berita harian 2 kali.</li> <li>• Anugerah pelakon komedi terbaik 2010.</li> <li>• Anugerah daripada Negeri Sembilan.</li> <li>• Anugerah daripada kerajaan negeri ada 2.</li> </ul>   |

|                            |  |   |
|----------------------------|--|---|
